

# KAMUS FIZIK

ELEKTROMAGNET  
KEELEKTRIKAN dan  
KEMAGNETAN



# **KAMUS FIZIK**

**ELEKTROMAGNET  
KEELEKTRIKAN dan  
KEMAGNETAN**

KK 280-34210  
1989/895-1990

# KAMUS FIZIK

## ELEKTROMAGNET KEELEKTRIKAN dan KEMAGNETAN



PERPUSTAKAAN  
BADAN BAHASA  
DEPARTEMEN PENDIDIKAN NASIONAL



00049181

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kuala Lumpur  
1990

KK 530 - 4715 4101  
ISBN 983-62-1634-0

Cetakan Pertama 1990  
© Hakcipta Dewan Bahasa dan Pustaka 1990

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka  
Muka Taip Teks: Times Roman  
Saiz Taip Teks : 9/11 poin

PERPUSTAKAAN KEPALA PUSAT BAHASA	
Klasifikasi	No. Induk : _____
	Tgl. : _____
	Ttd. : _____

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS  
Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan  
\$ 6.00

PERPUSTAKAAN BADAN BAHASA	
Klasifikasi R 537 . 503 KAM n	No. Induk : _____ Tgl. : 22-7-77 Ttd. : Alog

## SIDANG PENYUSUN

*Editor*

Othman Ismail (Ketua)  
Rogayah Hussin

*Editor Penyelaras dan Penyusun*  
Ismail Hussin

## **KANDUNGAN**

<b>Kata Pengantar</b>	ix
<b>Pendahuluan</b>	xi
<b>Pedoman Penggunaan Kamus Fizik</b>	xiii
<b>Kamus Fizik (Elektromagnet, Keelektrikan, Kemagnetan)</b>	1
<b>Daftar Istilah Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia</b>	108

## KATA PENGANTAR

Dengan terbitnya Kamus Fizik (Elektromagnet, Keelektrikan, Kemagnetan) sebuah lagi kamus istilah Siri Kamus Istilah MABBIM yang dirangka oleh Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM). Majlis ini telah merangka penerbitan kamus istilah Sains Asas – Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik, dengan menentukan entri bidang-bidang ini menurut subbidangnya terlebih dahulu sebelum diterbitkan oleh negara masing-masing dan sejak tahun 1983 Majlis ini telah membincangkan entri subbidang bidang-bidang tersebut.

Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia (JKTBM) yang mewakili Malaysia ke Majlis tersebut, melalui Jawatankuasa Peristiilahan Fizik Antara Universiti (JPFAU) telah mentakrifkan entri istilah yang telah disepakati oleh ketiga-tiga negara itu dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang menjadi urus setia JKTBM. Kamus ini memuatkan 715 entri istilah Elektromagnet, Keelektrikan, Kemagnetan yang telah diputuskan pada sidang ke-25 MABBIM.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Encik Ismail Hussin selaku penyusun kamus ini, Encik Othman Ismail selaku Ketua Editor, dan Cik Rogayah Hussin selaku Editor yang telah berusaha memperbaik kelemahan-kelemahan yang ada sehingga kamus ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Terima kasih juga ditujukan kepada Encik Amdun Hussin dan Puan Hairani Mohd. Khalid yang bertindak sebagai Ketua Editor dan Editor pada peringkat awal penyusunan kamus ini, dan kepada semua yang terlibat dengan penerbitan kamus ini.

Mudah-mudahan kamus ini dapat membakukan penggunaan istilah Elektromagnet, Keelektrikan, Kemagnetan dan memberikan manfaat kepada para pelajar dan orang ramai yang mencebur diri

## **KATA PENGANTAR**

dalam bidang ini atau mereka yang ingin meningkatkan ilmu dalam bidang ini khususnya. Usaha ini juga diharapkan dapat meningkatkan pembinaan dan pengembangan Bahasa Kebangsaan kita amnya.

**Haji Jumaat bin Dato' Haji Mohd. Noor  
Ketua Pengarah  
Dewan Bahasa dan Pustaka**

**Kuala Lumpur  
1 Mei 1990**

## PENDAHULUAN

Syukur alhamdulillah diucapkan ke hadrat Ilahi kerana hanya dengan izin-Nya juga kamus ini dapat diselesaikan penyusunannya dalam bentuk seperti yang dapat kita tatapi ini. Usaha penyusunan kamus ini sebagai memenuhi komitmen pihak Malaysia dalam rangka kesepakatan yang telah dipersestujui oleh Majlis Bahasa Brunei - Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM) yang sebelum 3 November 1985 dikenali sebagai Majlis Bahasa Indonesia - Malaysia (MBIM) berhubung dengan kamus istilah. Untuk tujuan itu, Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia (JKTBM) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka dan anggota Jawatankuasa Peristilahan Fizik Antara Universiti (JPFAU) telah bekerjasama menangani projek ini sehingga penyusunan kamus ini selesai dan dapat diterbitkan.

Penerbitan Kamus ini merupakan langkah memantapkan istilah yang telah terbentuk seperti yang terdapat di dalam buku-buku istilah yang pernah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Oleh yang demikian dengan terbitnya Kamus Fizik (Elektromagnet, Keelektrikan, Kemagnetan) ini yang memuat sebanyak 715 entri maka diharapkan masalah ketidakmampuan dan kepelbagaiannya istilah yang sering mengelirukan pengguna dapat diselesaikan khasnya dalam memahami konsep-konsep yang dihuraikan.

Sewaktu penyusunan dan pengeditan kamus ini dilakukan, beberapa buah buku telah digunakan, antaranya ialah:

Collocott, T.C. 1971. *Dictionary of Science and Technology*. Edinburgh: Chambers Ltd.

Daintith, J. 1981. *Dictionary of Physic*. New York: Barnes & Noble.

Dewan Bahasa dan Pustaka *Istilah Fizik Pengajian Tinggi*, 1987. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## PENDAHULUAN

- Dewan Bahasa dan Pustaka *Istilah Fizik Pengajian Tinggi Jilid I*, 1983. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Parker, S.P. 1984. *Dictionary of Scientific And Technical Terms* (Ed.3). New York: McGraw Hill.
- 
- \_\_\_\_\_. 1986. *Dictionary of Physics*. New York: McGraw Hill.
- Pitt, Valerie H. 1976. *Dictionary of Physics*. Harmondsworth: Penguin Books Ltd.

Walaupun kamus ini sudah dapat ditatapi oleh pengguna dan pembaca tetapi ilmu sentiasa berkembang, dan oleh kerana itu mungkin saja terdapat kelemahan dan kekurangan baik dalam aspek kecermatan penyusunannya. Maklum balas yang membina daripada pelbagai pihak sangat dialu-alukan agar dalam usaha kami selanjutnya kelemahan dan kekurangan dapat diatasi.

Akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada penyusun kamus ini Encik Ismail Hussin, Cik Rogayah Hussin, Encik Amdun Hussin, Puan Hairani Mohd. Khalid, Encik Ibrahim Mohd. Nor yang telah menaip kamus ini serta para pegawai yang terlibat dengan penyediaan dan penerbitan kamus ini.

Othman Ismail  
Ketua Editor

Kuala Lumpur  
1 Mei 1990

## **PEDOMAN PENGGUNAAN KAMUS FIZIK**

Pedoman ini disesuaikan daripada ‘Pedoman Umum Penulisan Draf Kamus Khusus’ yang telah dijadikan pegangan sewaktu menyusun kamus ini.

### **A. Kata Masukan**

1. Semua kata masukan dalam kamus ini dalam bahasa Malaysia dan padanannya dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Indonesia yang diberi dalam tanda kurung yang mengikutinya dengan menggunakan huruf condong:

**admitans** (*Ig. admittance; Id. admitans*)

..... .....

**alat dawai panas** (*Ig. hot-wire instrument; Id. alat kawat panas*)

..... .....

2. Padanan istilah dalam Bahasa Indonesia tidak diberikan sekiranya kata masukan itu merupakan istilah tambahan.

3. Istilah-istilah yang ditakrifkan dalam kamus ini, baik yang berbentuk kata dasar, kata terbitan, kata majmuk atau frasa, semuanya diperlakukan sebagai kata masukan tersendiri dan dimuatkan mengikut urutan huruf pertamanya:

**bahan paramagnet** (*Ig. paramagnetic material; Id. bahan paramagnetik*)

..... .....

**cantuman T** (*Ig. T junction; Id. sambungan T*)

..... .....

## PEDOMAN PENGGUNAAN KAMUS FIZIK

**daya gerak elektrik (dge) (Ig. electromotive force(emf); Id. tegangan gerak elektrik (tge))**

..... .....

4. Jika terdapat istilah yang bersinonim, takrifnya diberikan pada istilah yang dianjurkan penggunaannya. Istilah yang tidak dianjurkan itu dimuatkan pada akhir takrif tersebut, dan dimuatkan juga sebagai kata masukan tetapi dirujuk-silangkan kepada istilah yang dianjurkan:

**akumulator (Ig. accumulator; Id. akumulator)**

Peranti yang dapat mengumpul tenaga kimia dan membebaskan tenaga itu semula ke dalam bentuk tenaga elektrik secara berbalik. **bateri akumulator, bateri boleh cas semula, bateri penyimpan, bateri sekunder.**

**bateri akumulator (Ig. accumulator battery; Id. bateri akumulator)**

**lih. akumulator.**

### B. *Takrif*

1. Semua takrif diberikan selepas padanan bahasa asing dengan menggunakan huruf biasa.
2. Kata masukan yang takrifnya berbilang, kelainan takrif itu dinyatakan dengan angka Arab Tebal:

**cas (Ig. charge; Id. muatan)**

- 1 ..... ....  
2 ..... ....  
3 ..... ....

### C. *Jenis Huruf dan Tanda*

#### 1. *Huruf Tebal*

Huruf tebal digunakan untuk menandai perkara-perkara yang berikut:

- a. Semua kata masukan

**PEDOMAN PENGGUNAAN KAMUS FIZIK**

- b. Istilah sinonim yang dimuatkan pada akhir takrif sesuatu kata masukan.

**hukum Couloumb** (*Ig. Coulomb's law; Id. hukum Couloumb*)

Hukum yang menyatakan daya tarikan atau tolakan di antara dua cas elektrik yang bertindak di sepanjang garisan berkadar terus terhadap magnitud cas-cas dan berkadar songsang pula terhadap kuasa dua jarak antara kedua-dua cas. **hukum tarikan elektrostatik**.

- c. Istilah bandingan atau istilah rujukan yang dimuatkan pada akhir takrif sesuatu kata masukan.

**gandaan antena** (*Ig. antenna gain; Id. penguatan antena*)

Ukuran keberkesanan antena berarah berbanding dengan antena tak berarah piawai. *bd. gandaan*.

- d. Angka Arab yang menunjukkan kelainan takrif pada sesuatu kata masukan seperti pada B(2) di atas.

**2. Huruf Condong Tebal**

Huruf condong tebal digunakan pada istilah yang terdapat dalam sesuatu takrif dan dapat pula ditemukan sebagai kata masukan sendiri.

**magnet ladam kuda** (*Ig. horse shoe magnet; Id. magnet ladam kuda*)

**Magnet kekal** atau **elektromagnet** yang terasnya berbentuk seperti ladam kuda.

**3. Huruf Condong**

Huruf condong digunakan dalam hal-hal yang berikut:

- Formula/rumus
- Padanan istilah dalam bahasa asing

**D. Tanda Kurung Bulat**

- Tanda kurung bulat biasa digunakan untuk menandai hal-hal yang berikut:

- Kata atau frasa yang terdapat di dalamnya dapat

## PEDOMAN PENGGUNAAN KAMUS FIZIK

- menggantikan kata atau frasa sebelumnya.
- b. Kata atau frasa yang terdapat di dalamnya berfungsi sebagai penjelas kepada kata atau frasa sebelumnya.
  - 2. Tanda kurung bulat condong pula digunakan untuk menunjukkan padanan istilah asing yang dimuatkan selepas kata masukan.
- E. *Singkatan*
- 1. Dalam kamus ini digunakan singkatan-singkatan yang berikut:  
*bd.* bandingkan  
*Id.* Indonesia  
*Ig.* Inggeris  
*lih.* lihat
  - 2. Singkatan/simbol yang sudah lazim digunakan dalam sesuatu bidang ilmu dikekalkan.

# A

**admitans** (*Ig. admittance; Id. admitans*)

Ukuran kesediaan arus ulang-alik mengalir di dalam sesuatu litar.

Ukuran ini merupakan salingan kepada **impedans** dan dinyatakan dalam unit mho. Hubungannya diberikan oleh,  $Y^2 = G^2 + B^2$

( $Y$  = admitans;  $G$  = konduktans;  $B$  = rentanan)

**aerial** (*Ig. aerial; Id. antena*)

*lih. antena.*

**akumulator** (*Ig. accumulator; Id. akumulator*)

Peranti yang dapat mengumpul tenaga kimia dan yang dapat membebaskan tenaga itu semula ke dalam bentuk tenaga elektrik secara berbalik. **bateri akumulator**, **bateri boleh cas semula**, **bateri penyimpanan**, **bateri sekunder**.

**akumulator nikel-besi** (*Ig. nickel-iron accumulator; Id. akumulator besi-nikel*)

*lih. sel Edison.*

**akumulator Edison** (*Ig. Edison accumulator; Id. akumulator Edison*)

*lih. sel Edison*

**alat dawai panas** (*Ig. hot-wire instrument; Id. alat kawat panas*)

Alat pengukur arus elektrik yang operasinya bergantung kepada pengelembungan dawai yang disebabkan oleh pengaliran arus elektrik melalui dawai itu.

**alat gegelung gerak** (*Ig. moving-coil instrument; Id. alat kumparan gerak*)

Alat pengukur arus elektrik atau kekuatan medan magnet yang berdasarkan pergerakan gegelung. Alat ini terdiri daripada gegelung tergantung atau terpangsi di dalam medan magnet.

**alat resonans** (*Ig. resonator; Id. penalun; resonator*)

**alat resonans akustik****amplifier**

Peranti yang menunjukkan kesan **resonans** pada frekuensi tertentu; Contoh alat ini seperti **resonator rongga** atau **resonator akustik**. resonator.

**alat resonans akustik** (*Ig. acoustic resonator; Id. resonator akustik*)  
*lih. resonator akustik.*

**alat resonans Helmholtz** (*Ig. Helmholtz resonator; Id resonator Helmholtz*)  
*lih. resonator Helmholtz.*

**alat resonans rongga** (*Ig. cavity resonator; Id. resonator rongga*)  
*lih. resonator rongga.*

**aliran mantap** (*Ig. steady flow; Id. aliran ajek*)

Aliran yang malar pada semua keadaan pada sebarang titik dan pada setiap masa.

**alniko** (*Ig. alnico; Id. alniko*)

Aloi yang mempunyai sifat ketahanan magnet yang tinggi. Aloi ini dibuat daripada campuran besi, tembaga, aluminium, nikel dan kobalt.

**ammeter** (*Ig. ammeter; Id. ammeter*)

Alat untuk mengukur magnitud aliran arus elektrik.

**ampere** (*Ig. ampere ; Id. ampere*)

Unit ukuran arus elektrik yang dinyatakan oleh arus malar yang melalui dua pengkonduksi selari yang jaraknya 1 meter. Arus ini menghasilkan daya sebanyak  $2 \times 10^{-7}$  Newton per meter panjang. Simbol: A.

**ampere jam** (*Ig. ampere hour; Id. ampere jam*)

Unit ukuran kuantiti elektrik yang lalu pada mana-mana keratan rentas suatu pengkonduksi apabila arus yang tidak berubah bernilai 1 ampere mengalir pada pengkonduksi itu selama 1 jam. Sebutan tersebut juga digunakan untuk menyatakan muatan bateri.

**ampere lilit** (*Ig. ampere-turn; Id. ampere lilit*)

Unit **daya gerak magnet** apabila arus 1 ampere mengalir melalui satu lilitan gegelung.

**amplifier** (*Ig. amplifier; Id. penguat/amplifier*)

Peranti yang boleh menambah magnitud atau paras kuasa sesuatu

**amplifier sapuan****antena dwikeruncut**

kuantiti fizik seperti arus elektrik yang berubah mengikut masa, tanpa mengubah bentuk gelombang kuantiti tersebut.

**amplifier sapuan (*Ig. sweep amplifier; Id. amplifier lejang*)**

*Amplifier* yang digunakan dengan tiub sinar katod seperti pada perenerima televisyen atau dengan osiloskop sinar katod.

*Amplifier* ini berfungsi menambah voltan keluaran dalam **bentuk gelombang gigi gergaji** pada **pengayun sapuan**, membentuk gelombang bagi litar pesongan pada tiub gambar televisyen, dan memberikan isyarat seimbang kepada plat pesongan pada tiub sinar katod.

**amplifikasi voltan (*Ig. voltage amplification; Id. penguatan tegangan*)**

Nisbah magnitud voltan yang melintasi impedans bebas tertentu dengan magnitud voltan masukan bagi sesuatu amplifier atau transduser. Biasanya nisbah ini diungkapkan dalam **desibel** yang diperoleh dengan mendarabkan logaritma biasa nisbah tersebut dengan 20.

**analisis Fourier (*Ig. Fourier analysis; Id. analisis Fourier*)**

Analisis untuk menentukan komponen harmonik bagi sesuatu bentuk gelombang yang kompleks, dengan cara matematik atau dengan menggunakan peranti penganalisis gelombang.

**angker (*Ig. armature; Id. armatur*)**

Bahagian pada alat elektrik yang menghasilkan **voltan teraruh** apabila gegelung berputar atau bergerak di dalam **medan magnet**.

**anion (*Ig. anion; Id. anion*)**

Ion berasas negatif yang bergerak ke arah anod dalam proses **elektrolysis**.

**anod (*Ig. anode; Id. anode*)**

- 1 Elektrod positif bagi sel **elektrolit**.
- 2 Pengumpul elektron di dalam tiub elektron.
- 3 Terminal pada diod semikonduktor yang dituju oleh aliran arus daripada litar luar.

**antena (*Ig. antenna; Id. antena*)**

Bahagian sistem radio yang memancar dan menerima tenaga dari angkasa. **aerial**.

**antena dwikeruncut (*Ig. biconical antenna; Id. antena dwikeruncut*)**

## antena dwikutub

## antiferomagnetisme


**Antena** yang terdiri daripada dua keruncut logam yang mempunyai paksi sepunya sama ada puncak-puncaknya bertepatan atau bersebelahan dengan kabel sepaksi atau pemandu gelombang dan kedua-dua puncaknya dihubungkan. Keruncut-keruncut itu pula mempunyai paksi sepunya dengan kabel sepaksi dan dengan penghantar gelombang pada puncak keruncut tersebut.

### antena dwikutub (*Ig. dipole antenna; Id. antena dwikutub*)

**Antena** yang pola sinarannya maksimum apabila sinaran itu bersudut tepat dengan antena. Panjang antena ini hampir setengah panjang gelombang dan terbahagi dua pada pusat elektriknya.

### antena gelung (*Ig. loop antenna; Id. antena simpul*)

**Antena** yang terdiri daripada satu atau lebih lilitan lengkap pengkonduksi yang satahnya bergerak mengikut arah gelombang yang datang atau mengikut arah sinaran yang maksimum.



Bentuk antena gelung

### antena pancaran (*Ig. transmitting antenna; Id. antena pemancar*)

**Antena** yang memancarkan tenaga ke angkasa.

### antena penerima (*Ig. receiving antenna; Id. antena penerima*)

**Antena** yang menerima tenaga dari angkasa.

### antiferomagnetisme (*Ig. antiferromagnetism; Id. antiferomagnetisme*)

Sifat logam, aloi dan garam dalam unsur peralihan yang **momen magnet** atomnya membentuk susun atur bertertib yang berselang seli atau melingkar agar tidak memberikan momen jumlah bersih apabila dikenakan medan magnet sifar.

**antinod**

**arus**

**antinod (Ig. antinode; Id. antisimpul)**

Titik, garis, atau permukaan dalam sistem **gelombang pegun**, tempat berlakunya amplitud maksimum pada gelombang tersebut.

**antiresonans (Ig. antiresonance; Id. antiresonans)**

1 **Frekuensi** yang diperoleh apabila reaktans aruhan dan reaktans kapasitans pada litar resonans selari mencapai nilai yang sama.

2 **Frekuensi** yang diperoleh apabila **impedans** selari pada litar resonans selari mencapai nilai maksimum.

3 **Frekuensi** yang diperoleh apabila **impedans** selari pada litar resonans selari yang mempunyai faktor kuasa bernilai satu. **resonans selari**.

**aras bendasing (Ig. impurity level; Id. aras takmurnian)**

Aras tenaga tak normal yang disebabkan oleh **konduksi** pada semi-konduktor akibat kehadiran bendasing.

**arka elektrik (Ig. electric arc; Id. busur elektrik)**

Nyahcas elektrik menerusi gas. Keadaan ini dicirikan oleh penurunan voltan yang nilainya hampir sama dengan nilai keupayaan pengionan gas tersebut.

**aruhan (Ig. induction; Id. aruhan)**

Proses mengecas objek secara elektrik dengan membawa objek tersebut menghampiri objek yang telah dicas, kemudian menyentuh objek itu ke bumi pula, **bd. aruhan elektromagnet**.

**aruhan elektromagnet (Ig. electromagnetic induction; Id. induksi elektromagnetik)**

Penghasilan **daya gerak elektrik** di dalam sama ada melalui gerakan pengkonduksi melalui medan magnet untuk merentasi fluks magnet atau melalui perubahan fluks magnet mengelilingi pengkonduksi. **aruhan magnet, aruhan saling**.

**aruhan magnet (Ig. magnetic induction; Id. pengimbasan magnetik)**

lih. **aruhan elektromagnet**.

**aruhan saling (Ig. mutual induction; Id. imbasan saling)**

lih. **aruhan elektromagnet**.

**arus (Ig. current; Id. arus)**

**arus berkesan**

**arus pusar**

Aliran cas elektrik yang dihasilkan oleh pergerakan elektron atau ion di bawah pengaruh **daya gerak elektrik**. Arus diukur dalam ampere (A).

**arus berkesan** (*Ig. effective current; Id. arus efektif*)

Nilai **arus ulang-alik** yang memberikan kesan panas yang sama seperti nilai **arus terus** yang sepadan. arus punca min kuasa dua.

**arus bocor** (*Ig. leakage current; Id. arus bocoran*)

- 1 **Arus** tak diingini yang mengalir menerusi atau melintasi permukaan bahan penebat.
- 2 **Arus terus** yang mengalir menerusi bahan dielektrik lemah di dalam kapasitor.
- 3 **Arus ulang-alik** yang mengalir melalui suatu rektifier dengan tidak terektifikasi (tidak menjadi arus terus).

**arus elektrik** (*Ig. electric current; Id. arus elektrik*)

lih. **arus**.

**arus filamen** (*Ig. filament current; Id. arus filamen*)

**Arus** yang dibekalkan kepada filamen tiub elektron untuk tujuan pemanasan.

**arus lazim** (*Ig. conventional current; Id. arus lazim*)

Konsep **arus** sebagai perpindahan cas positif yang arah alirannya berlawanan dengan arah aliran elektron beras negatif.

**arus pemagnetan** (*Ig. magnetizing current; Id. arus pemagnet*)

**Arus** yang mengalir melalui belitan primer suatu transformer kuasa dan arus ini akan mewujudkan **medan magnet** di dalam teras apabila tiada beban yang disambungkan kepada belitan sekunder.

**arus punca min kuasa dua** (*Ig. root mean square current; Id. arus akar purata kuadrat*)  
lih. **arus berkesan**.

**arus purata** (*Ig. average current; Id. arus serata*)

**Arus** yang nilainya merupakan hasil purata **arus ulang-alik** meliputi setengah kitaran.

**arus pusar** (*Ig. eddy current; Id. arus pusar*)

**Arus** elektrik yang teraruh di dalam pengkonduksi yang berada di

## arus sesaran

## arus ulang-alik

dalam **medan magnet** yang berubah-ubah atau di dalam **pengkonduksi** yang bergerak melalui **medan magnet** tak sekata.

**arus sesaran** (*Ig. displacement current; Id. arus pergeseran*)

**Arus** yang terhasil daripada kadar perubahan fluks elektrik mengikut masa yang melalui suatu dielektrik apabila medan elektriknya berubah-ubah. Konsep ini dikemukakan oleh Maxwell untuk memperlihatkan aliran arus dalam keadaan tidak mantap, umpamanya melalui dielektrik suatu kapasitor dalam litar ulang-alik bersiri. **arus sesaran Maxwell**.

**arus sesaran Maxwell** (*Ig. Maxwell displacement current; Id. arus pergeseran Maxwell*)

lih. arus sesaran.

**arus teraruh** (*Ig. induced current; Id. arus imbas*)

**Arus** yang terhasil oleh **medan magnet** yang berubah-ubah mengikut masa pada suatu **pengkonduksi**.

**arus terus** (*Ig. direct current; Id. arus searah*)

**Arus elektrik** yang alirannya hanya pada satu arah sahaja.

**arus tiga fasa** (*Ig. three phase current; Id. arus trifasa*)

**Arus** yang dihantar melalui tiga dawai yang setiap dawai itu berfungsi sebagai pulangan kepada dawai yang dua lagi. Fasa komponen ketiga-tiga arus itu berbeza secara berturutan sebanyak satu pertiga kitar, atau 120 derjah elektrik.

**arus ulang-alik (AU)** (*Ig. alternating current (AC); Id. arus rangga*)

**Arus elektrik** yang arahnya berulang-alik secara berkala setiap saat.

## B

bahan ferimagnet (*Ig. ferrimagnetic material; Id. bahan ferimagnetik*)

Bahan yang mempunyai ciri-ciri **keferimagnetan**. Bahan ini tinggi kerintangan elektriknya dan berstruktur seperti hablur spinel, serta mempunyai formula  $XFe_2O_4$ , dengan X mewakili apa jua ion logam dwivalen yang saiznya bersesuaian dengan struktur hablur tersebut.

bahan feroelektrik (*Ig. ferroelectric material; Id. bahan feroelektrik*)

Bahan berhablur yang mempunyai ciri-ciri keferoelektrikan seperti barium titanat, kalium dihidrogen fosfat, garam Rochelle, yang digunakan di dalam kapasitor seramik, transduser akustik dan amplifier dielektrik.

bahan feromagnet (*Ig. ferromagnetic material; Id. bahan feromagnetik*)

Bahan yang mempunyai ciri-ciri keferomagnetan seperti beberapa bentuk besi, keluli, kobalt, nikel dan juga aloi bahan tersebut.

bahan paramagnet (*Ig. paramagnetic material; Id. bahan paramagnetik*)

Bahan yang menyebabkan peningkatan **medan magnet** disebabkan oleh penjajaran orbit-orbit elektronnya.

balang Leyden (*Ig. Leyden jar; Id. guci Leyden*)

**Kapasitor** jenis lama yang hanya terdiri daripada balang kaca yang dilapisi permukaan luar dan dalamnya dengan kerajang logam.

bareter (*Ig. barretter; Id. bareter*)

**Bolometer** yang terdiri daripada dawai halus atau saput logam yang pekali suhu kerintangannya positif. Alat ini digunakan untuk mengukur kuasa dalam peranti mikro gelombang.

bateri (*Ig. battery; Id. bateri*)

Alat sumber voltan **arus terus** yang terdiri daripada satu atau beberapa unit sumber voltan yang dapat mengubah tenaga kimia, tenaga termal, tenaga nuklear atau tenaga suria untuk menjadi tenaga elektrik.

**bateri akumulator**

**bentuk gelombang gigi gergaji**

**bateri akumulator (*Ig. accumulator battery; Id. bateri akumulator*)**

*lih. akumulator.*

**bateri boleh cas semula (*Ig. rechargeble battery; Id. bateri boleh cas semula*)**

*lih. akumulator.*

**bateri Edison (*Ig. Edison battery; Id. bateri Edison*)**

*lih. sel Edison.*

**bateri nikel-besi (*Ig. nickel-iron battery; Id. bateri nikel-besi*)**

*lih. sel Edison.*

**bateri penyimpanan (*Ig. storage battery; Id. bateri penyimpanan*)**

*lih. akumulator.*

**bateri sekunder (*Ig. secondary battery; Id. bateri sekunder*)**


*lih. akumulator.*

**belitan primer (*Ig. primary winding; Id. lilitan primer*)**

Belitan pada transformer yang menerima tenaga daripada suatu isyarat atau menerima kuasa arus ulang-alik daripada suatu sumber.

**bentuk gelombang gigi gergaji (*Ig. sawtooth waveform; Id. bentuk gelombang gigi gergaji*)**

Bentuk gelombang yang amplitudnya berubah secara linear antara dua nilai, dan masa yang diambil untuk amplitud naik lebih lama berbanding dengan masa untuk amplitud turun.



**Bentuk gelombang gigi gergaji**

**berbilang kutub**

**beza fasa**

**berbilang kutub (Ig. multipole; Id. multi kutub)**

Satu daripada beberapa siri jenis agihan cas atau pemagnetan yang statik atau berayun. **bd. momen berbilang kutub.**

**berbilang kutub elektrik (Ig. electric multipole; Id. multi kutub elektrik)**

Satu daripada beberapa siri jenis taburan cas statik atau berayun.

**berus (Ig. brush; Id. sikat)**


Logam **pengkonduksi** atau bongkah karbon yang digunakan untuk membuat sentuhan gelongsor elektrik dengan bahagian yang bergerak di dalam mesin elektrik.

**betatron (Ig. betatron; Id. betatron)**

Peranti untuk memecut elektron di dalam cincin vakum dengan menggunakan **fluks magnet** yang berubah mengikut masa.

**beza fasa (Ig. phase difference; Id. beda fasa)**

Perbezaan antara **fasa** suatu kuantiti yang berubah secara sinusoidal dengan **fasa** kuantiti kedua yang juga berubah secara sinusoidal pada frekuensi yang sama.



Perbezaan fasa antara gelombang (1) dan (2) ialah  $\phi$  A amplitud dan T kala



**beza keupayaan**

**buzzer**

**beza keupayaan** (*Ig. potential difference; Id. beda potensial*)

Kerja melawan daya elektrik yang dilakukan untuk menggerakkan satu unit cas dari satu titik ke titik yang lain.

**bintik imbas** (*Ig. scanning spot; Id. bintik payar*)

- 1 Titik pada faksimili yang berbentuk segi empat sama dan mempunyai dimensi sama dengan kelebaran garis imbas.
- 2 Titik garis imbas pada skrin televisyen yang dimensinya sama dengan kelebaran garis nominal.

**bolometer** (*Ig. bolometer; Id. bolometer*)

Alat untuk mengukur tenaga **sinaran elektromagnet** pada kawasan jarak gelombang tertentu. Tenaga ini diukur berdasarkan perubahan rintangan yang disebabkan oleh kesan pemanasan sinaran itu pada suatu pengkonduksi tipis.

**botol magnet** (*Ig. magnetic bottle; Id. botol magnetik*)

**Medan magnet** yang digunakan untuk mengurung plasma dalam ujikaji pelakuran terkawal.

**bremsstrahlung** (*Ig. bremsstrahlung; Id. bremsstrahlung*)

Sinaran yang dikeluarkan oleh elektron terpecah semasa berlanggar dengan nukleus atom.

**buzzer** (*Ig. buzzer*)

Peranti elektromagnet yang **angkeranya** bergetar deras dan mengeluarkan bunyi desing.

PERPUSTAKAAN  
BADAN BAHASA  
DEPARTEMEN PENDIDIKAN NASIONAL


# C

**cabang (Ig. branch; Id. cabang)**

Bahagian rangkaian yang terdiri daripada satu atau lebih unsur yang mempunyai dua terminal yang bersiri.

**cantuman T (Ig. T junction; Id. sambungan T)**

Rangkaian **pemandu gelombang** yang terdiri daripada tiga terminal **pemandu gelombang** yang disusun mengikut bentuk huruf T.



Pemandu gelombang cantuman T

**carta Smith (Ig. Smith chart; Id. daftar Smith)**

Gambarajah kutub khas yang terdiri daripada bulatan rintangan malar bulatan reaktans malar, bulatan nisbah **gelombang pegun** malar, dan garisan jejari yang mewakili lokus sudut garisan malar.

**cas (Ig. charge; Id. muatan)**

- 1 Sifat asas zarah keunsuran sesuatu jisim. Cas ini boleh positif, negatif atau sifar. Cas-cas lain yang wujud merupakan gandaan integer cas proton.
- 2 Perbuatan menukarkan tenaga elektrik kepada tenaga kimia dalam bateri sekunder.
- 3 Perbuatan memberikan tenaga elektrik kepada **kapasitor** atau peranti lain yang boleh menyimpan tenaga tersebut.

**cas bebas** **cok**

**cas bebas** (*Ig. free charge; Id. muatan bebas*)

*Cas elektrik yang tidak terikat pada tapak tertentu dalam sesuatu pepejal.*

**cas keunsuran** (*Ig. elementary charge; Id. muatan keunsuran*)

*Cas bagi apa jua jasad yang gandaan integer cas tersebut bernilai sama dengan cas elektron.*

**cas negatif** (*Ig. negative charge; Id. muatan negatif*)

*Cas yang dippunyai oleh elektron dalam jirim biasa. Cas ini juga boleh dihasilkan oleh benda-benda resin apabila di gosok dengan bulu binatang.*

**cas positif** (*Ig. positive charge; Id. muatan positif*)

*Cas yang dippunyai oleh proton dalam jirim biasa. Cas ini juga boleh dihasilkan oleh benda-benda kaca apabila digosok dengan sutera.*

**cas ruang** (*Ig. space charge; Id. muatan ruang*)

*Cas elektrik bersih dalam isipadu tertentu.*

**cas teraruh** (*Ig. induced charge; Id. muatan imbas*)

*Cas yang terhasil pada suatu pengkonduksi akibat pengaruh cas pada pengkonduksi lain yang berdekatan.*

**cas terikat** (*Ig. bound charge; Id. muatan terikat*)

*Cas elektrik yang terikat kepada atom atau molekul.*

**catur kutub elektrik** (*Ig. electric quadrupole; Id. caturkutub elektrik*)

Taburan **cas** yang menghasilkan **medan elektrik** setara dengan medan yang dihasilkan oleh dua dwikutub elektrik yang mempunyai magnitud momen dwikutub yang sama tetapi berlawanan arah dan terpisah dengan jarak yang kecil.

**cermin magnet** (*Ig. magnetic mirror; Id. cermin magnetik*)

*Medan magnet yang digunakan dalam ujikaji lakuran terkawal untuk memantulkan zarah-zarah beras ke kawasan pusat suatu **botol magnet**.*

**cok** (*Ig. choke; Id. cok*)

1 *Induktans* yang digunakan dalam sesuatu litar untuk memberikan *impedans* yang tinggi kepada frekuensi-frekuensi di atas suatu julat frekuensi tertentu tanpa mengehadkan aliran *arus terus*.

**corong elektromagnet****cucuhan elektrik**

2 Alur atau ketakselanjaran dengan dimensi tertentu yang dibentuk pada permukaan **pemandu gelombang** untuk menghalang laluan gelombang-gelombang terpandu dalam julat frekuensi yang terhad.

**corong elektromagnet (*Ig. electromagnetic horn; Id. corong elektromagnetik*)**

**Antena** mikro gelombang yang diperbuat daripada **pemandu gelombang** bulat atau segi empat yang dibentuk seperti tanduk. Antena ini digunakan untuk memancar gelombang radio secara langsung ke ruang angkasa.

**coulomb (*Ig. coulomb; Id. coulomb*)**

Unit **cas** elektrik yang ditakrifkan sebagai amaun cas elektrik yang merentasi suatu permukaan dalam 1 saat apabila arus mantap 1 ampere mutlak mengalir merentasi permukaan tersebut.

**coulometer (*Ig. coulo(mb) meter; Id. coulometer*)**

Sel elektrolitik yang digunakan untuk mengukur kuantiti elektrik atau keamatan arus melalui penentuan kuantitatif bahan kimia yang dieluarkan atau yang digunakan.

**cucuhan elektrik (*Ig. electric spark; Id. cucuhan elektrik*)**

Keadaan nyahcas elektrik dalam masa yang singkat akibat keruntuhannya udara atau bahan dielektrik dengan serta-merta di antara dua terminal. Keadaan ini diikuti oleh pancaran cahaya seperti pancaran kilat dan berlaku seketika sahaja.

# D

**daya elektrik** (*Ig. electric force; Id. kahas elektrik*)

Vektor yang magnitudnya sama dengan hasil darab keamatan medan elektrik dengan cas yang berada di dalam medan tersebut. Arah vektor tersebut sama dengan medan sekitarannya cas positif dan sebaliknya.

**daya gerak elektrik (dge)** (*Ig. electromotive force (emf); Id. tegangan gerak elektrik (tge)*)

1 Perbezaan keupayaan elektrik yang wujud antara dua elektrod yang berlainan yang ditenggelamkan di dalam **elektrolit** yang sama ataupun yang disambung oleh pengkonduksi ion.

2 Hasil keupayaan elektrik relatif bagi dua elektrod yang berlainan apabila berlaku tindak balas elektrokimia.

**daya gerak elektrik balas** (*Ig. counter electromotive force; Id. tegangan gerak elektrik balas*)

lih. **daya gerak elektrik balik**.

**daya gerak elektrik balik** (*Ig. back emf; Id. tegangan gerak elektrik balik*)

Voltan yang dihasilkan oleh arus yang berubah-ubah pada litar aruhan. Voltan yang teraruh itu mempunyai kekutuhan yang berlawanan dengan kekutuhan voltan yang dikenakan pada setiap ketika.

**daya gerak elektrik teraruh** (*Ig. induced emf; Id. tegangan gerak elektrik imbas*)

**Daya gerak elektrik** yang dihasilkan daripada gerakan suatu pengkonduksi yang melalui suatu **medan magnet**, atau daripada perubahan **fluks magnet** di sekeliling pengkonduksi.

**daya gerak magnet** (*Ig. magnetomotive force; Id. magnetohambatan*)

Kerja yang diperlukan untuk mengelilingi litar magnet sebanyak satu kali bagi mengerakkan kutub magnet dengan unit kekuatan.

**daya Lorentz** (*Ig. Lorentz force; Id. kekas Lorentz*)

**daya paksa**

**dinamometer**

Daya **F** pada suatu zarah berasas *q* yang bergerak dalam medan elektrik **E** dan medan magnet **B**, yang sama dengan cas zarah tersebut didarab dengan jumlah **medan elektrik** dan hasil darab silang halaju zarah **V** dengan **medan magnet**.

$$\mathbf{F} = q(\mathbf{E} + (\mathbf{V} \times \mathbf{B}))$$

**daya paksa** (*Ig. coercive force; Id. kakas paksa*)

Medan magnet yang diperlukan untuk mengurangkan ketumpatan **fluks magnet** sesuatu bahan daripada nilai kebakian kepada sifar.

**denyut/denyutan** (*Ig. pulse; Id. denyut*)

- 1 Perubahan kuantiti yang biasanya malar dan ubahan tersebut mempunyai tempoh terhingga yang biasanya singkat.
- 2 Gelombang tunggal.

**depan gelombang** (*Ig. wave front; Id. medan gelombang*)

- 1 Permukaan gelombang yang fasanya malar.
- 2 Bahagian sampul gelombang di antara titik sifar permulaan dan titik puncak gelombang tersebut dan diukur sama ada dalam masa atau jarak.

**desibel** (*Ig. decibel; Id. desibel*)

Unit nisbah dua kuasa atau dua keamatan atau nisbah suatu kuasa terhadap kuasa rujukan dalam pengukuran keamatan bunyi. Simbol: dB.

**dielektrik** (*Ig. dielectric; Id. dielektrik*)

Bahan yang bersifat sebagai penebat elektrik atau penahan **medan elektrik** yang dapat meminimumkan kehilangan kuasa.

**dielektrik sempurna** (*Ig. perfect dielectric; Id. dielektrik sempurna*)

**Dielektrik** yang dapat membebaskan semula semua tenaga kepada sumber tenaga apabila **medan elektrik** tidak wujud lagi di dalamnya.

**dinamometer** (*Ig. dynamometer; Id. dinamometer*)

- 1 Alat untuk mengukur arus, voltan atau kuasa melalui daya yang dihasilkan antara gege lung tetap dan gege lung bergerak.
- 2 Mesin elektrik yang berputar untuk mengukur tork keluaran atau tork pemacuan dari canggaan kenyal yang dihasilkan oleh jentera yang berputar.

**diod** domain feromagnet

**diod** (*Ig. diode; Id. diode*)

Tiub elektron yang mempunyai dua elektrod yang terdiri daripada anod dan katod.

**diod hablur** (*Ig. crystal diode; Id. diode hablur*)

**Diod** yang menggunakan sifat-sifat rekifikasi simpangan *pn* atau sentuhan titik. **diod semikonduktor**.

**diod pemancar cahaya** (*Ig. light-emitting diode; Id. diod pemancar cahaya*)

**Diod semikonduktor** yang menukar tenaga elektrik kepada sinaran elektromagnet spontan dengan cekap dan tak koheren pada jarak gelombang nampak dan gelombang hampir inframerah melalui proses elektroluminesens pada simpangan *pn* pincang depan.

**diod PIN** (*Ig. PIN diod; Id. diode PIN*)

**Diod** yang terdiri daripada wafer silikon. **Diod** ini mengandungi hampir sama bendasing daripada jenis *p* dan jenis *n*. **Diod** ini juga mempunyai suatu lapisan nipis di tengah akibat peresapan bendasing *p* dan bendasing *n* dari kedua-dua sisi.

**diod runtuh** (*Ig. avalanche diode; Id. diode lungsunan*)

**Diod** yang penurunan voltannya sentiasa malar dan bebas daripada arus akibat runtuh serta-merta berlaku merentangi seluruh simpang *pn* diod itu.

**diod sawar Schottky** (*Ig. Schottky barrier diode; Id. diod sawar Schottky*)

**Diod semikonduktor** yang dibentuk oleh sentuhan antara lapisan semikonduktor dengan salutan logam. Ciri rekifikasiinya tidak linear.

**diod semikonduktor** (*Ig. semiconductor diode; Id. diode semi penghantar*)

lih. **diod hablur**.

**diod Zener** (*Ig. Zener diode; Id. diode Zener*)

**Diod semikonduktor** dibuat daripada silikon. Runtahan voltan balikannya berasaskan **kesan Zener**.

**domain** (*Ig. domain; Id. domain*)

Kawasan di dalam pepejal yang momen elektrik, kemagnetan molekul dan atom keunsurannya tersusun atur secara seragam.

**domain feromagnet** (*Ig. ferromagnetic domain; Id domain feromagnetik*)

**domain magnet**

**dwikutub teraruh**

Kawasan di dalam bahan feromagnet yang mempunyai susunan **momen magnet** atom atau molekul yang terjajar selari. **domain magnet**.

**domain magnet** (*Ig. magnetic domain; Id. domain magnetik*)

*lih. domain feromagnetik.*

**dwikutub elektrik** (*Ig. electric dipole; Id. dwikutub elektrik*)

Penyebaran setempat cas-cas positif dan negatif tanpa cas bersih. Kedudukan cas-cas negatif dan positif itu sentiasa tidak sama.

**dwikutub Hertz** (*Ig. Hertzian dipole; Id. dwikutub Hertz*)

Sepasang cas yang berlawanan dan berubah-ubah, rapat serta mempunyai momen elektrik.

**dwikutub teraruh** (*Ig. induced dipole; Id. dwikutub imbas*)

Sepasang cas yang dihasilkan oleh **medan elektrik**.

# E

**ekakutub elektrik** (*Ig. electric monopole; Id. ekakutub elektrik*)

Agihan cas elektrik yang tertumpu pada satu titik atau bersimetri secara sfera.

**ekakutub magnet/monokutub magnet** (*Ig. magnetic monopole; Id. ekakutub magnetik*)

Zarah hipotesis yang membawa cas magnet dan menjadi sumber **medan magnet** seperti suatu zarah bercas yang menjadi sumber **medan elektrik**.

**eksiton** (*Ig. exciton; Id. eksiton*)

Keadaan teruja pada suatu penebat atau **semikonduktor** yang membenarkan tenaga diangkat tanpa mengangkat cas elektrik. Keadaan ini boleh dibayangkan seperti elektron dan lohong dalam keadaan terikat.

**elektrik statik** (*Ig. static electricity; Id. keelektrikan statik*)

Sifat keelektrikan sesuatu cas dalam keadaan rehat yang bertentangan dengan arus elektrik.

**elektrod** (*Ig. electrode; Id. elektrode*)


Bahagian pada peranti elektrik atau pada sesuatu sistem yang membebaskan atau mengumpul elektron atau pembawa cas yang lain. Elektrod juga boleh digunakan untuk memesong zarah bercas melalui tindakan **medan elektrostatik**.

**elektrod hidrogen** (*Ig. hydrogen electrode; Id. elektrode hidrogen*)

Elektrod daripada logam adi seperti platinum yang mempunyai permukaan luas dan diliputi oleh gas hidrogen di dalam larutan ion hidrogen yang tepu dengan gas hidrogen. Elektrod ini digunakan sebagai elektrod piawai dengan keupayaan sifar untuk mengukur keaktifan ion hidrogen.

**elektrod kaca** (*Ig. glass electrode; Id. elektrode kaca*)

Elektrod logam yang keupayaannya diukur menerusi selaput kaca yang bertindak sebagai selaput tukar ganti kation.



**Elektrod kaca**

**elektrolisis (Ig. electrolysis; Id. elektrolisis)**

Kaedah tindak balas kimia dengan melalukan arus elektrik menerusi larutan **elektrolit** atau leburan garam.

**elektrolit (Ig. electrolyte; Id. elektrolit)**

Sebatian kimia yang mengandungi ion positif dan ion negatif yang lebur atau yang larut di dalam air akan mengalirkan arus elektrik.

**elektroluminesens (Ig. electroluminescence; Id. elektroluminesens)**

Pancaran cahaya yang disebabkan oleh **medan elektrik** dikenakan kepada sesuatu bahan, bukan disebabkan oleh kesan pemanasan.

**elektromagnet (Ig. electromagnet; Id. elektromagnet)**

- 1 Magnet yang terjadi daripada gegelung yang membawa arus yang dibalikkan pada teras keluli atau besi lembut.
- 2 Cabang ilmu Fizik yang membincangkan prinsip atau hukum ten-

**elektrometer****emitans**

tang kaitan keelektrikan dengan kemagnetan dan juga tentang kemagnetan yang dihasilkan oleh arus elektrik.

**elektrometer (*Ig. electrometer; Id. elektrometer*)**

Alat untuk mengukur voltan melalui laluan arus yang perlu.

**elektrometer sukuan (*Ig. quadrant electrometer; Id. elektrometer kuadran*)**

**Elektrometer** yang terdiri daripada plat tergantung yang berputar di dalam kotak logam. Plat tersebut dibahagi kepada empat bahagian, dua bahagian dibumikan dan dua bahagian lagi dicas dengan **arus**.

**elektron (*Ig. electron; Id. elektron*)**

Zarah keunsuran yang beras negatif dan mempunyai jisim lebih kurang  $9.11 \times 10^{-28}$  g (setara dengan 0.511 MeV) serta casnya lebih kurang  $-1.602 \times 10^{-9}$  coulomb dan spinnya 1/2.

**elektron bebas (*Ig. free electron; Id. elektron bebas*)**

**Elektron** di dalam atom yang boleh bergerak bebas di dalam jirim atau vakum apabila dikenakan **medan elektrik** atau **medan magnet**.

**elektron konduksi (*Ig. conduction electron; Id. elektron konduksi*)**

*lih. elektron valens.*

**elektron valens (*Ig. valence electron; Id. elektron valens*)**

- 1 Elektron yang berada pada petala terluar bagi suatu atom.
- 2 Elektron dalam **jalur konduksi** suatu pepejal yang bebas bergerak di bawah pengaruh **medan elektrik**.

**elektroskop (*Ig. electroscope; Id. elektroskop*)**

Alat untuk mengesan cas elektrik melalui daya mekanikal yang terjadi di antara jasad yang dicas secara elektrik.

**elektroskop daun emas (*Ig. gold-leaf electroscope; Id. elektroskop daun emas*)**

Elektroskop yang mempunyai dua kepingan tirus kerajang emas yang tergantung di dalam balang kaca. Kerajangnya akan mencapah apabila dicas.

**emitans (*Ig. emittance; Id. emitans*)**

Kuasa tersinar per unit luas permukaan penyinar. kuasa sinaran.

## **engganan magnet**

**engganan magnet** (*Ig. magnetic reluctance; Id. reluktans magnetik*)

Ukuran tentang terhadap **fluks magnet** di dalam litar magnet yang beranalog dengan rintangan di dalam litar elektrik. (unit:  $\text{Hm}^{-1}$ ). **keengganan.**

## F

**faktor amplifikasi** (*Ig. amplification factor; Id. faktor amplifikasi*)

Nisbah perubahan tambahan voltan plat kepada perubahan kecil voltan grid di dalam tiub vakum dengan syarat arus plat dan voltan elektrod yang lain adalah malar.

**faktor kehilangan** (*Ig. loss factor; Id. faktor rugi*)

Faktor kuasa sesuatu bahan didarab dengan pemalar dielektriknya dan hasilnya menentukan amaun haba yang terjana di dalam bahan tersebut.

**faktor kualiti/faktor mutu** (*Ig. quality factor; Id. faktor mutu; faktor kualitas*)

*lih. faktor-Q.*

**faktor kuasa** (*Ig. power factor; Id. faktor daya*)

Nisbah kuasa aktif terhadap kuasa ketara bagi litar arus ulang-alik.

**faktor-Q** (*Ig. Q-factor; Id. faktor-Q*)

Faktor yang berupa ukuran kebolehan sistem yang bersifat berkala untuk menyimpan tenaga dan biasanya diungkapkan sebagai:

$$2\pi \left( \frac{\mu}{\Delta\mu} \right)$$

( $\mu$  = tenaga purata yang disimpan dalam sistem,  $\Delta\mu$  = tenaga hilang setiap kitar). faktor kualiti.

**fana** (*Ig. transient; Id. fana*)

**Denyutan**, ayunan lembap atau fenomenon sementara yang berlaku dalam suatu sistem sebelum sistem tersebut mencapai keadaan mantap.

**farad** (*Ig. farad; Id. farad*)

Unit **kapasitans** yang sama dengan **kapasitans** suatu **kapasitor** yang

**faraday**

**fluks magnet**

mempunyai beza keupayaan 1 volt antara plat-plat apabila cas pada salah satu plat 1 coulomb dan cas pada plat yang lain adalah cas yang berlawanan tetapi nilainya sama.

**faraday (Ig. faraday; Id. faraday)**

Cas elektrik yang diperlukan untuk membebaskan 1 gram-setara suatu bahan melalui proses **elektrolisis**. Secara ujikaji, cas ini bernilai  $96\ 487.0 = 96\ 487.0 \pm 1.6$  coulomb.

**fasa (Ig. phase; Id. fase)**

1 Bahagian pecahan kala yang dilalui oleh pembolehubah masa bagi suatu kuantiti berkala seperti arus elektrik ulang-alik. Fasa diukur pada setiap titik dan biasanya diungkap dalam sebutan ukuran sudut dengan satu kala bersamaan dengan  $360^\circ$  atau  $2\pi$  radian.

2 Hujah fungsi trigonometri yang memperihalkan perubahan ruang dan masa bagi gangguan sinusoid  $y = A \cos[(2\pi/\lambda)(x - vt)]$ ,  $x$  dan  $t$  koordinat ruang dan masa,  $v$  adalah halaju rambatan dan  $\lambda$  adalah panjang gelombang.

**fasor (Ig. phasor; Id. fasor)**

1 Garis berputar yang digunakan untuk mewakili kuantiti yang berubah secara sinusoidal. Panjang garis tersebut mewakili magnitud kuantiti dan sudut antara garis dengan paksi x mewakili fasa pada setiap ketika.

2 Apa jua kuantiti (nombor kompleks) seperti impedans dan admittans.

**ferimagnetisme (Ig. ferrimagnetism; Id. ferimagnetisme)**

lih. keferimagnetan.

**fluks bocor/fluks kebocoran (Ig. leakage flux; Id. fluks bocoran)**

Garis-garis daya magnet yang melebihi lintasan yang diperlukan.

**fluks elektrik (Ig. electric flux; Id. fluks elektrik)**

1 Kuantiti elektrik tersesar merentasi luas tertentu di dalam dielektrik dan ditakrifkan sebagai kamiran elektrik yang serenjang kepada permukaan tersebut. Kuantiti ini juga sama dengan bilangan garis daya yang merentasi suatu permukaan.

2 Garis-garis **daya elektrik** di dalam suatu kawasan.

**fluks magnet (Ig. magnetic flux; Id. fluks magnet)**

**fluksmeter****fototransistor**

Kamiran meliputi permukaan tertentu bagi komponen aruhan magnet yang serenjang kepada permukaan tersebut.

**fluksmeter (Ig. fluxmeter; Id. fluksmeter)**

Alat untuk mengukur **fluks magnet**.

**fotodiod (Ig. photodiode; Id. fotodiode)**

**Diod semikonduktor** yang arus balikan berubah dengan pencahayaan seperti fotosel cantuman aloi dan fotosel simpang tumbuh.

**fotoelektron (Ig. photoelectron; Id. fotoelektrum)**

**Elektron** yang dikeluarkan oleh **kesan fotoelektrik**.

**fotokatod (Ig. photocathode; Id. fotokatode)**

Permukaan fotopeka yang mengeluarkan elektron-elektron apabila permukaannya terdedah kepada cahaya atau sinaran lain yang sesuai. Fotokatod ini digunakan di dalam fototiub, tiub kamera televisyen dan peranti lain yang peka kepada cahaya.

**fotokonduksi (Ig. photoconduction; Id. fotohantaran)**

Penambahan pengaliran arus elektrik akibat daripada penyerapan **sinaran elektromagnet**.

**foton (Ig. photon; Id. foton)**

Zarah tanpa jisim yang juga kuantum **medan elektromagnet** yang membawa tenaga, momentum dan momentum sudut.

**fotopancaran (Ig. photoemission)**

Pemindahan elektron-elektron daripada pepejal (atau kadangkala cecair) oleh **sinaran elektromagnet** tuju.

**fotosel (Ig. photocell; Id. fotosel)**

Peranti elektron fotopeka keadaan pepejal yang ciri arus-voltannya merupakan fungsi kepada sinaran tuju.

**fototransistor (Ig. phototransistor; Id. fototransistor)**

Transistor simpangan yang hanya mempunyai penyambung-penyambung pengumpul dan pengeluar atau penyambung tapak yang terdedah kepada cahaya melalui suatu kanta kecil pada bekas transistor tersebut.

<b>frekuensi</b>	<b>frekuensi tinggi</b>
------------------	-------------------------

**frekuensi** (*Ig. frequency; Id. frekuensi*)

Bilangan kitar yang dilengkapkan oleh suatu kuantiti berkala dalam satu unit masa.

**frekuensi ambang** (*Ig. threshold frequency; Id. frekuensi ambang*)

**Frekuensi** tenaga sinaran tuju yang tiada kesan fotopancaran apabila nilainya di bawah daripada frekuensi tersebut.

**frekuensi asli** (*Ig. natural frequency; Id. frekuensi alami*)

**Frekuensi resonan** terendah bagi suatu antena, suatu litar atau suatu komponen.

**frekuensi audio** (*Ig. audio frequency*)

**Frekuensi** yang julatnya lebih kurang 15 hingga 20 000 Hz, dan peka kepada telinga manusia.

**frekuensi garis** (*Ig. line frequency; Id. frekuensi garis*)

**Frekuensi** pengimbasan melintasi tabir pada arah mengufuk dalam sistem televisyen.

**frekuensi imbas** (*Ig. scanning frequency; Id. frekuensi pemayaran*)

**Frekuensi** pada satu arah yang dibuat oleh bintik rakaman atau imbasan ke atas satu garis tetap dan serenjang kepada arah imbasan dalam satu sistem faksimili.

**frekuensi penggalan** (*Ig. cut-off frequency; Id. frekuensi pancung*)

**Frekuensi** sesuatu peranti apabila pengecilan peranti tersebut mula meningkat secara jelas.

**frekuensi radio** (*Ig. radio frequency; Id. radio frekuensi*)

**Frekuensi** yang julatnya daripada 10 kHz hingga 100 GHz dan tenaga sinaran elektromagnet koheren digunakan untuk perhubungan.

**frekuensi rendah** (*Ig. low frequency; Id. frekuensi rendah*)

**Frekuensi** yang julatnya 30 hingga 300 kHz dalam spektrum radio.

**frekuensi resonan** (*Ig. resonant frequency; Id. frekuensi resonan*)

**Frekuensi** yang arusnya maksimum dalam litar siri arus ulang-alik yang terdiri daripada induktor, kapasitor dan perintang.

**frekuensi tinggi** (*Ig. high frequency; Id. frekuensi tinggi*)

## **frekuensi ultratinggi**

***Frekuensi*** yang julatnya dari 3 hingga 30 mHz dalam spektrum radio.

**frekuensi ultratinggi** (*Ig. ultrahigh frequency; Id. frekuensi ultratinggi*)

***Frekuensi*** yang julatnya antara  $0.3 \times 10^3$  dan  $3 \times 10^3$  mHz dalam spektrum radio dan sepadan dengan jarak gelombang 10 cm hingga 1 meter.

# G

**galvanometer** (*Ig. galvanometer; Id. galvanometer*)

Alat untuk mengukur arus elektrik yang kecil dengan cara gerakan mekanik yang diterbitkan oleh daya elektromagnet atau elektrodinamik yang dikeluarkan oleh arus itu.

**galvanometer balistik** (*Ig. ballistic galvanometer; Id. galvanometer balistik*)

*Galvanometer* yang mempunyai tempoh ayunan yang lama supaya pesongannya dapat mengukur cas elektrik dalam denyutan arus, atau mengukur kamiran masa sesuatu denyutan voltan.

**galvanometer tangen** (*Ig. galvanometer tangen; Id. galvanometer tangen*)

*Galvanometer* yang mempunyai kompas kecil yang dilekapkan secara mengufuk pada pusat gezelung dawai yang besar dan tegak. Arus yang melalui dawai adalah berkadar dengan tangen sudut pesongan jarum kompas daripada kedudukan normal yang selari dengan **medan magnet bumi**.

**galvanometer d'Arsonval** (*Ig. d'Arsonval galvanometer; Id. galvanometer d'Arsonval*)

*Galvanometer* gezelung gerak yang terdiri daripada gezelung ringan segiempat tepat digantung dalam medan kuat antara kutub-kutub magnet ladam.

**ganda/gandaan** (*Ig. gain; Id. bati; penguatan*)

Penambahan kuasa isyarat yang dikeluarkan oleh **amplifier** yang biasanya diberikan sebagai nisbah keluaran terhadap voltan, arus atau kuasa masukan dan diungkapkan dalam **desibel**.

**gandaan antena** (*Ig. antenna gain; Id. penguatan antena*)

Ukuran keberkesanan antena berarah berbanding dengan antena tak berarah piawai. **bd. gandaan**.

**gandaan kuasa** (*Ig. power gain; Id. bati daya*)

## **gandingan RC**

geganti

- 1 Nisbah kuasa yang dikeluarkan oleh suatu *transduser* terhadap kuasa yang diserap oleh litar masukan transduser tersebut.
- 2 Nisbah antena yang sama dengan  $4\pi$  (12.57) didarab dengan nisbah keamatian sinaran pada arah tertentu terhadap jumlah kuasa yang diberikan kepada antena tersebut.

## **gandingan RC (*Ig. RC coupling; Id. sambutan RC*)**

Gandingan yang menggunakan perintang-perintang sebagai *impedans* masukan dan keluaran bagi litar-litar yang digandingkan.

## **garis daya (*Ig. line of force; Id. garis kekas*)**

Garis khayalan di dalam medan daya seperti *medan elektrik* dan magnet, dan tangen kepada garis tersebut pada mana-mana titik akan menunjukkan arah medan pada titik tersebut. Bilangan garis tersebut per unit luas yang serenjang kepada medan mewakili keamatian medan.

## **garis Lecher (*Ig. Lecher line; Id. jalur Lecher*)**

Dua dawai selari yang panjangnya beberapa jarak gelombang serta terpisah dengan satu pecahan kecil jarak gelombang. Dawai ini digunakan untuk mengukur jarak gelombang sumber *mikro gelombang* yang disambungkan ke suatu hujung dawai tersebut.

## **garis lubang alur (*Ig. slotline; Id. garis lubang alur*)**

Bahagian *pemandu gelombang* atau talian penghantaran terperisai yang perisainya merupakan lubang teralur bagi membolehkan penggunaan kuar yang bergerak untuk mengkaji *gelombang pegun*.

## **garis mikrostrip (*Ig. microstrip line; Id. garis mikrostrip*)**

Talian penghantaran yang terdiri daripada kepingan saput tipis yang bersentuhan dengan satu sisi substrat dielektrik datar. Talian ini mempunyai pengkonduksi satah bumi saput tipis yang serupa pada sisi lain substrat dielektrik tersebut.

## **garis strip (*Ig. stripline; Id. jalur strip*)**

Talian penghantaran yang terdiri daripada pengkonduksi pusat strip logam datar yang terpisah daripada pengkonduksi luar strip logam datar oleh strip-strip dielektrik.

## **geganti (*Ig. relay; Id. relai*)**

- 1 Sistem mikro gelombang atau radio yang digunakan untuk menghantar isyarat daripada satu rangkaian perhubungan radio

**geganti elektrik**

**gegelung tesla**

kepada rangkaian yang lain.

**2** Peranti yang dioperasikan oleh perubahan keadaan di dalam satu litar elektrik dan bertindak untuk mencantumkan atau memutuskan satu atau lebih sambungan di dalam litar yang sama atau litar yang lain. geganti elektrik.

**geganti elektrik** (*Ig. electric relay; Id. relai elektrik*)

*lih. geganti.*

**geganti Kipp** (*Ig. Kipp relay; Id. geganti Kipp*)

Bentuk picu atau litar penggetar berbilang dwistabil.

**gegelung aruhan** (*Ig. induction coil; Id. kumparan imbasan*)

Gegelung untuk mengeluarkan **arus ulang-alik** voltan tinggi atau denyutan-denyutan voltan tinggi daripada **arus terus** voltan rendah dengan cara gangguan **arus terus** pada gegelung primer yang mengandungi beberapa lilitan dawai. Gangguan **arus terus** ini akan mengaruhkan voltan tinggi pada gegelung sekunder yang mempunyai banyak lilitan pada gegelung primer.

**gegelung cari** (*Ig. search coil; Id. kumparan pencari*)

Gegelung kecil yang digunakan untuk mengukur medan magnet atau mengesan perubahan **medan magnet** yang dihasilkan oleh objek yang tersembunyi. Gegelung tersebut disambung kepada alat penunjuk secara terus atau melalui amplifier.

**gegelung Helmholtz** (*Ig. Helmholtz coil; Id. kumparan Helmholtz*)

Sepasang gegelung bulat dan datar yang mempunyai bilangan lilitan yang sama dan garis pusat yang sama serta tersusun sepaksi dengan paksi sepunya dan bersambung secara siri. Gegelung tersebut digunakan untuk mendapatkan **medan magnet** yang lebih sekata berbanding dengan **medan magnet** yang diperoleh daripada satu gelung sahaja.

**gegelung rencatan** (*Ig. retardation coil; Id. kumparan tangapan; kumparan retardasi*)

Gegelung induktans tinggi yang digunakan di dalam litar telefon untuk membenarkan laluan arus terus atau arus deringan frekuensi rendah dan menghalang aliran arus **frekuensi audio**.

**gegelung tesla** (*Ig. tesla coil; Id. kumparan tesla*)

Transformer teras udara yang digunakan dengan jurang spark dan

**gelombang**

**gelombang pembawa**

**kapasitor** untuk mengeluarkan voltan tinggi pada frekuensi tinggi.

**gelombang (Ig. wave; Id. gelombang)**

Gangguan yang merambat daripada satu titik dalam suatu medium ke titik-titik lain di dalam suatu medium tanpa memberikan sesaran kekal kepada medium secara keseluruhan.

**gelombang elektrik melintang (Ig. transverse electric waves; Id. gelombang elektrik lintang)**

**Gelombang elektromagnet** yang vektor medan elektriknya serenjang kepada arah rambatan.

**gelombang elektromagnet (Ig. electromagnetic wave; Id. gelombang elektromagnetik)**

**Gelombang** yang merambat keluar daripada cas elektrik yang berayun atau terpecah. Apabila jauh daripada cas, gangguan tersebut berupa getaran **medan elektrik** dan getaran **medan magnet** yang bergerak dengan halaju cahaya yang bersudut tegak antara satu dengan lain dan bersudut tegak dengan arah gerakan.

**gelombang elektromagnet melintang (Ig. transverse electromagnetic wave; Id. gelombang elektromagnetik lintang)**

**Gelombang elektromagnet** yang kedua-dua vektor medan elektrik dan vektor medan magnet serenjang kepada arah rambatan.

**gelombang magnet (Ig. magnetic wave; Id. gelombang magnetik)**

Perebakan pemagnetan daripada suatu bahagian kecil bahan yang telah berlaku perubahan **medan magnet** secara tiba-tiba.

**gelombang magnet melintang (Ig. transverse magnetic wave; Id. gelombang magnetik lintang)**

**Gelombang elektromagnet** yang vektor medan magnetnya serenjang kepada arah rambatan.

**gelombang pegun (Ig. standing wave; Id. gelombang tegak)**

**Gelombang** yang nisbah nilai sesaran seketika pada satu titik terhadap nilai sesaran seketika pada titik-titik lain tidak berubah dengan masa.

**gelombang pembawa (Ig. carier wave; Id. gelombang pembawa)**

**Gelombang radio** yang dikeluarkan oleh pemancar apabila tiada isyarat modulasi atau gelombang lain yang boleh termodulasi.

## gelombang perlahan

grid

### gelombang perlahan (*Ig. slow wave; Id. gelombang lambat*)

*Gelombang* yang mempunyai *halaju fasa* kurang daripada halaju cahaya seperti dalam pemandu gelombang rabung.

### gelombang spin (*Ig. spin wave; Id. gelombang spin*)

Perubahan berbentuk sinusoidal yang merambat menerusi kekisi hablur dan momentum sudutnya bersekutu dengan kemagnetan. Kebanyakan momentum sudutnya adalah momentum sudut spin elektron.

### gelombang terpandu (*Ig. guided wave; Id. gelombang terpandu*)

Gelombang yang dipancarkan oleh *pemandu gelombang* yang tenaganya tertumpu berhampiran dengan suatu sempadan atau tertumpu antara sempadan-sempadan selari yang memisahkan bahan-bahan yang berlainan sifat.

### get/lawang (*Ig. gate; Id. get; amband*)

- 1 *Litar* yang mempunyai satu keluaran dan kegandaan masukan yang direkabentuk supaya keluarannya digiatkan hanya apabila penggabungan tertentu denyutan-denyutan wujud pada masukan.
- 2 *Litar* yang ada satu isyarat biasanya gelombang segiempat sama yang bertindak untuk memadamkan dan menghidupkan suatu isyarat lain.
- 3 Salah satu elektrod pada transistor kesan medan.
- 4 Suatu unsur keluasan pada kriotron.
- 5 Kawalan bagi terusan denyutan atau isyarat.
- 6 Bentuk gelombang elektrik yang dikenakan pada titik kawalan suatu litar untuk mengubah mod operasi litar tersebut ketika dikenakan bentuk gelombang (pada radar).

### grid (*Ig. grid; Id. kisi*)

- 1 Plat logam yang mempunyai lubang atau permataang dan digunakan sebagai *pengkonduksi* dan penyokong bahan yang aktif di dalam sel penyimpan atau bateri.
- 2 Apa jua rangkaian yang bersistem seperti pada talian telefon atau talian kuasa.
- 3 Suatu elektrod yang berada antara *katod* dan *anod* pada tiub elektron dan mempunyai satu atau lebih bukaan yang boleh dilalui oleh elektron atau ion. Elektrod ini berfungsi untuk mengawal aliran elektron daripada *katod* ke *anod*.

# H

**hablur piezoelektrik** (*Ig. piezoelectric crystal; Id. hablur piezoelektrik*)

Hablur yang memperkenan **kesan piezoelektrik**, digunakan dalam pembesar hablur, mikrofon hablur dan kartrij hablur pada pemungut fono.

**halaju fasa** (*Ig. phase velocity; Id. kecepatan fasa*)

Halaju suatu titik yang bergerak dengan gelombang pada fasa yang malar.

**halaju kumpulan** (*Ig. group velocity; Id. kecepatan kelompok*)

Halaju sampul kumpulan gelombang yang berinterferensi dan gelombang tersebut mempunyai sedikit perbezaan frekuensi dan halaju fasa.

**henry** (*Ig. henry; Id. henry*)

Unit meter-kilogram-saat bagi swainduktans di dalam satu litar atau unit meter-kilogram-saat bagi induktans saling antara dua litar, apabila **daya gerak elektrik** 1 volt teraruh pada litar tersebut dan arus berubah pada kadar 1 ampere per saat. Simbol: H.

**hertz** (*Ig. hertz; Id. hertz*)

Unit frekuensi, misalnya ayunan berkala mempunyai frekuensi  $n$  hertz sekiranya ayunan tersebut melengkapkan  $n$  kitar dalam 1 saat. Simbol Hz.

**hingar** (*Ig. noise; Id. derau*)

Arus atau voltan gangguan yang tidak diingini di dalam suatu peranti atau di dalam sistem elektrik.

**hingar Johnson** (*Ig. Johnson noise; Id. derau Johnson*)

**Hingar** elektrik yang dikeluarkan oleh penggoncangan terma elektron di dalam **pengkonduksi** atau **semikonduktor**.

## **histeresis dielektrik**

## **hukum Ampere-Laplace**

**histeresis dielektrik (Ig. dielectric hysteresis; Id. histeresis dielektrik)**

Pengutuban bahan feroelektrik yang bergantung bukan sahaja kepada medan elektrik yang dikenakan tetapi juga kepada sejarah bahan tersebut.

**histeresis magnet (Ig. magnetic hysteresis; Id. histeresis magnetik)**

Penyusulan perubahan pemagnetan suatu bahan mengekori perubahan **medan magnet**.

**hubungan Gruneisen (Ig. Gruneisen relation; Id. rumus Gruneisen)**

Hubungan yang menyatakan kerintangan elektrik suatu logam yang sangat tulen berkadar dengan fungsi metematik yang bersandar kepada nisbah suhu logam dengan suhu ciriannya.

**hukum Ampere (Ig. Ampere's law; Id. hukum Ampere)**

Hukum yang menyatakan tentang aruhan sepanjang lintasan tertutup yang mengelilingi pengkonduksi yang membawa arus  $I$ , maka

$$\oint \mathbf{B} dl = \mu_0 I$$

$B$  = aruhan,  $dl$  = unsur panjang lintasan,  $\mu_0$  = ketelapan vakum.

**hukum Ampere-Laplace (Ig. Ampere-Laplace law; Id. hukum Ampere-Laplace)**

Hukum yang menyatakan bahawa aruhan **medan magnet** yang disebabkan oleh arus dalam **pengkonduksi** yang dapat dirumuskan sebagai

$$dB = \frac{\mu_0 I \sin \theta dl}{4\pi r^2}$$

dengan  $dB$  unsur aruhan medan magnet pada suatu titik jarak daripada suatu unsur pengkonduksi yang panjangnya  $dl$ , dan membawa arus  $I$ ; sudut antara arah  $I$ , dengan vektor jejari  $r$ ;  $\mu_0$  adalah ketelapan vakum  $= 4\pi \times 10^{-7}$  henry per meter. Bagi pengkonduksi lurus yang panjangnya tak terhingga pula,

$$B = \frac{\mu_0 I}{2\pi r}$$

## **hukum Brewster**

## **hukum Kirchoff**

### **hukum Brewster (Ig. Brewster's law; Id. hukum Brewster)**

Hukum yang menyatakan bahawa indeks biasan sesuatu bahan sama dengan tangen sudut pengkutuban bagi bahan tersebut.

### **hukum Coulomb (Ig. Coulomb's law; Id. hukum Coulomb)**

Hukum yang menyatakan daya tarikan atau tolakan di antara dua cas elektrik yang bertindak di sepanjang garisan berkadar terus terhadap magnitud cas-cas dan berkadar songsang pula terhadap kuasa dua jarak antara kedua-dua cas. hukum tarikan elektrostatik.

### **hukum Curie (Ig. Curie's law; Id. hukum Curie)**

Hukum yang menyatakan bahawa kerentanan magnet bagi kebanyakan bahan paramagnet adalah berkadar songsang terhadap suhu mutlak bahan paramagnet masing-masing.

### **hukum Faraday (Ig. Faraday's law; Id. hukum Faraday)**

Hukum yang menyatakan bahawa **daya gerak elektrik (dge)** yang teraruh di dalam suatu litar oleh **medan magnet** yang berubah adalah sama dengan negatif kadar perubahan **fluks magnet** yang merangkai litar tersebut.

### **hukum Gauss (Ig. Gauss' Law; Id. hukum Gauss)**

Hukum yang menyatakan bahawa jumlah **fluks elektrik** yang melalui permukaan Gauss (suatu permukaan tertutup dan menghalau keluar) adalah sama (dalam unit nisbahnya) dengan jumlah cas di dalam permukaan tersebut.

### **hukum Joule (Ig. Joule's law; Id. hukum Joule)**

Hukum yang menyatakan kadar perubahan haba dalam watt adalah sama dengan hasil darab rintangan bahan (ohm) dengan kuasa dua arus (ampere) apabila arus mengalir menerusi suatu bahan.

### **Hukum kedua Kirchoff (Ig. second Kirchoff law; Id. hukum kedua Kirchoff)**

**Hukum Kirchoff** yang menyatakan jumlah algebra voltan yang timbul sekitar gelung tertutup dalam suatu rangkaian adalah sama dengan jumlah algebra penurunan voltan pada bila-bila ketika.

### **hukum Kirchoff (Ig. Kirchoff's law; Id. hukum Kirchoff)**

Hukum asas tentang hubungan arus pada satu simpangan dengan voltan-voltan sekitar gelung tertutup dalam rangkaian elektrik.

### **hukum kuasa dua songsang**

### **hukum tarikan elektrostatik**

#### **hukum kuasa dua songsang (*Ig. inverse square law; Id. hukum inversi kuadrat*)**

Hukum yang menyatakan bahawa sesuatu kuantiti fizik berubah dengan jarak dari suatu sumber secara songsang kuasa dua jarak tersebut.

#### **hukum Ohm (*Ig. Ohm's law; Id. hukum Ohm*)**

Hukum yang menyatakan bahawa pengaliran **arus terus** di dalam suatu litar elektrik adalah berkadar terus dengan voltan yang dikenakan pada litar.

#### **hukum Paschen (*Ig. Paschen's law; Id. hukum Paschen*)**

Hukum yang menyatakan bahawa keupayaan berspark antara dua plat elektrik selari di dalam gas adalah suatu fungsi kepada hasil darab ketumpatan gas dengan jarak antara elektrod-elektrod.

#### **hukum pertama Kirchoff (*Ig. first Kirchoff law; Id. hukum pertama Kirchoff*)**

**Hukum Kirchoff** yang menyatakan jumlah nilai seketika bagi kesemua arus yang mengalir menghala ke satu titik adalah sama dengan jumlah nilai seketika bagi kesemua arus yang mengalir keluar daripada titik tersebut pada bila-bila ketika.

#### **hukum tarikan elektrostatik (*Ig. electrostatic attraction law; Id. hukum tarikan elektrostatik*)**

lih. hukum Coulomb.

# I

**igu (Ig. *yoke*; Id. *kumparan simpang*)**

Bahan feromagnet tanpa belitan yang menyambungkan dua atau lebih teras-teras magnet secara kekal.

**ilmu elektrodinamik (Ig. *electrodynamics*; Id. *elektrodinamik*)**

Ilmu yang mengkaji kaitan antara daya elektrik, daya magnet dan daya mekanik.

**ilmu elektrostatik (Ig. *electrostatics*; Id. *elektrostatika*)**

Ilmu sains keelektrikan yang berkenaan dengan fenomenon cas-cas elektrik yang kebanyakannya dalam keadaan statik.

**ilmu magnetohidrodinamik (Ig. *magnetohydrodynamics*; Id. *magnetohidrodinamika*)**

Ilmu dinamik atau ilmu tentang pergerakan bendalir pengkonduksi elektrik seperti gas terion atau logam cecair yang bersaling tindak dengan **medan magnet**.

**ilmu magnetostatik (Ig. *magnetostatics*; Id. *magnetostatika*)**

Ilmu tentang **medan magnet** yang sentiasa malar dengan masa.

**imbas (Ig. *scan*; Id. *payar*)**

1 Gerakan berkala yang diberikan kepada cuping major suatu antena. Gerakan ini berupa proses pengarahan jalur frekuensi radio secara berturutan yang meliputi kesemua titik dalam ruang tertentu.

2 Pemeriksaan sesuatu kawasan, ruang atau sebahagian spektrum radio titik demi titik secara jujukan teratur; sebagai contoh, penukaran suatu bab atau imej kepada isyarat elektrik, atau penggunaan radar untuk memonitor ruang udara bagi tujuan pengesanan, pengemudian atau pengawalan lalulintas udara.

3 Satu sapuan lengkap berbentuk bulatan, ke atas dan ke bawah atau ke kiri dan ke kanan dilakukan oleh alur radar atau cahaya atau peranti yang digunakan dalam pengimbasan.

## imej elektrik

## induktor bumi

### imej elektrik (*Ig. electric image; Id. santir elektrik*)

Cas rekaan yang digunakan untuk mendapatkan **medan elektrik** yang dihasilkan oleh cas-cas elektrik tetap berhampiran dengan suatu peng-konduksi. **Pengkonduksi** tersebut mempunyai agihan cas-cas permukaan teraruh yang boleh diganti dengan satu atau lebih cas-cas rekaan.

### impedans (*Ig. impedance; Id. impedans*)

- 1 Jumlah tentangan yang diberikan oleh sesuatu litar kepada arus ulang-alik. Jumlah tentangan ini sama dengan nisbah kompleks voltan terhadap arus dalam tata tanda kompleks.
- 2 Nisbah voltan maksimum terhadap arus maksimum di dalam litar arus ulang-alik yang sama dengan magnitud kuantiti dalam takrifan (1).

### impedans gelombang (*Ig. wave impedance; Id. impedans gelombang*)

Nisbah komponen melintang medan elektrik terhadap komponen melintang medan magnet pada setiap titik dalam satah tertentu bagi suatu **pemandu gelombang**.

### induktans (*Ig. inductance; Id. induktans*)

- 1 Sifat suatu litar elektrik atau dua litar berjiran yang **daya gerak elektriknya** akan terjana (oleh proses aruhan elektromagnet) oleh kerana perubahan arus pada litar itu sendiri atau pada litar yang di sebelahnya.
- 2 Secara kuantitatif, induktans adalah nisbah **daya gerak elektrik** terhadap kadar perubahan arus.

### induktans saling (*Ig. mutual inductance; Id. induktans saling*)

**Induktans** yang sama dengan nisbah **daya gerak elektrik teraruh** pada satu litar terhadap kadar perubahan arus pada litar yang lain.

### induktor/alat aruh (*Ig. inductor; Id. induktor*)

Beberapa lilitan dawai yang digunakan untuk mewujudkan **induktans** di dalam litar elektrik untuk menghasilkan **fluks magnet**, atau untuk bertindak balas secara mekanik terhadap **fluks magnet** yang berubah.

### induktor bumi (*Ig. earth inductor; Id. induktor bumi*)

Induktor untuk mengukur sudut junaman **medan magnet** bumi yang mempunyai gegelung berputar di dalam **medan magnet** bumi dan voltan akan teraruh apabila paksi putaran tidak bertepatan dengan arah medan.

**ion**

**ion positif**

**ion (*Ig. ion; Id. ion*)**

Elektron atau positron yang terpencil atau atom atau molekul yang memperolehi cas elektrik bersih oleh kerana kehilangan atau pertambahan satu atau lebih elektron.

**ionosfera (*Ig. ionosphere; Id. ionosfer*)**

Lapisan atmosfera bumi bermula dari 70 atau 80 kilometer di atas permukaan bumi hingga ke ketinggian yang tidak terhingga. Lapisan ini terion secukupnya oleh sinaran ultralembayung solar dan elektron-elektron bebas di dalam lapisan ini akan memberi kesan kepada perambatan gelombang radio.

**ion negatif (*Ig. negative ion; Id. ion negatif*)**

- 1 Suatu atom atau kumpulan atom yang memperolehi cas elektrik negatif disebabkan oleh kehadiran satu elektron atau lebih.
- 2 Suatu elektron atau zarah subatom yang beras negatif.

**ion positif (*Ig. positive ion; Id. ion positif*)**

Suatu atom atau kumpulan atom yang memperolehi cas elektrik positif disebabkan oleh kehilangan satu elektron atau lebih.

# J

**jalur konduksi** (*Ig. conduction band; Id. jalur konduksi*)

Jalur tenaga yang elektronnya boleh bergerak bebas di dalam suatu pepejal dan menghasilkan pengangkutan cas bersih.

**jalur tenaga** (*Ig. energy band; Id. jalur tenaga*)

- 1 Jalur yang terbentuk daripada paras tenaga yang bersaling tindak bagi atom-atom individu dalam suatu pepejal.
- 2 Suatu julat bagi frekuensi-frekuensi **gelombang elektromagnet** antara had-had tertentu seperti yang terumpu kepada jenis khusus dalam perkhidmatan radio.

**jalur valens** (*Ig. valence band; Id. pita valens*)

Jalur tenaga elektron yang tertinggi di dalam **semi konduktor** atau penebat yang boleh dipenuhi oleh elektron-elektron.

**janakuasa elektrik** (*Ig. electric generator; Id. generator elektrik/pembangkit elektrik*).

*lih. penjana.*

**janakuasa harmonik** (*Ig. harmonic generator; Id. penjana harmonik*)

Janakuasa yang dioperasi dalam keadaan supaya boleh menjana harmonik-harmonik kuat bersama dengan harmonik asas.

**jaring** (*Ig. mesh; Id. jaring*)

Set cabang yang membentuk lintasan tertutup di dalam suatu rangkaian.

**jejari elektron** (*Ig. electron radius; Id. radius elektron*)

Nilai klasik  $r = 2.81777 \times 10^{-13}$  cm bagi jejari elektron dan diperoleh dengan menyamakan  $mc^2$  dengan  $e^2/r$ ,  $e$  adalah cas elektron,  $m$  jisim elektron dan  $c$  adalah halaju cahaya.

**jurang udara** (*Ig. air gap; Id. selang udara*)

Jurang atau bahan pengisi setara bukan magnet yang melintangi teras cok, transformer atau peranti magnet yang lain.

# K

**kabel sepaksi** (*Ig. coaxial cable; Id. kabel sesumbu*)

Talian penghantaran yang terdiri daripada **pengkonduksi** bertebat yang berada pada pusat tiub logam yang menjadi **pengkonduksi** kedua.

**kaedah imej** (*Ig. method of image; Id. metode sanciran*)

Kaedah yang melibatkan penukaran suatu **medan elektrostatik** kepada satu lagi medan setara yang lebih senang untuk dikira. Kaedah tersebut sangat berguna terutamanya bagi cas-cas titik berhampiran dengan **pengkonduksi**.

**kanta elektron** (*Ig. electron lens; Id. kanta elektron*)

Susunan gegelung magnet dan elektrod-elektrod bercas untuk memfokus atau menyimpangkan alur-alur elektron seperti tatacara kanta optik.

**kanta elektrostatik** (*Ig. electrostatic lens; Id. kanta elektrostatik*)

Bentuk medan-medan elektrostatik yang bertindak ke atas zarah-zarah bercas, sebagaimana kanta-kanta kaca bertindak ke atas alur cahaya.

**kanta magnet** (*Ig. magnetic lens; Id. kanta magnet*)

**Medan magnet** dengan paksi bersimetri dan berkebolehan untuk menumpukan alur zarah-zarah bercas yang mempunyai halaju seragam, dan membentuk imej bagi objek yang diletakkan pada lintasan alur tersebut. Medan tersebut boleh dihasilkan oleh solenoid, elektromagnet atau magnet kekal.

**kapasitans** (*g. capacitance; Id. kapasitans*)

Nisbah cas pada salah satu **pengkonduksi** pada **kapasitor** (cas pada pengkonduksi yang lain adalah sama tetapi berlawanan) dengan perbeaan keupayaan antara **pengkonduksi-pengkonduksi**.

**kapasitor** (*Ig. capacitor; Id. kapasitor*)

Peranti yang terdiri daripada dua **pengkonduksi** yang ditebat

## **kapasitor boleh ubah**

**katod**

antaranya oleh dielektrik untuk mewujudkan **kapasitans** ke dalam litar, menyimpan tenaga elektrik, menghalang aliran **arus terus** dan membenarkan arus ulang-alik mengalir ke suatu tahap yang bersandar kepada kapasitans kapasitor dan frekuensi arus.

### **kapasitor boleh ubah (Ig. variable capacitor; Id. kapasitor terubahkan)**

**Kapasitor** yang **kapasitansnya** berubah secara selanjar apabila satu set plat logam digerakkan merujuk kepada set plat logam yang lain.

### **kapasitor elektrolitik (Ig. electrolytic capacitor; Id. kapasitor elektrolitik)**

**Kapasitor** yang terdiri daripada dua elektrod yang dipisahkan oleh **elektrolit**. Saput dielektrik yang biasanya lapisan tipis gas akan terbentuk di salah satu permukaan elektrod.

### **kapasitor laluan sampingan (Ig. bypass capacitor; Id. kapasitor lalu sampingan)**

**Kapasitor** yang disambungkan di sekitar suatu unsur litar untuk memberikan lintasan **impedans** rendah bagi arus **frekuensi radio** atau **frekuensi audio**.

### **kapasitor plat selari/kapasitor keping selari (Ig. parallel plate capacitor; Id. kapasitor plat sejajar)**

**Kapasitor** yang terdiri daripada dua plat logam yang selari dan mempunyai ruang yang termampat oleh dielektrik di antara kedua-dua plat tersebut.

### **kapasitor sepaksi (Ig. coaxial capacitor; Id. kapasitor sesumbu)**

**Kapasitor** yang terdiri daripada dua silinder logam yang sama panjang serta sepusat dengan dielektrik yang memenuhi ruang antara kedua-dua silinder tersebut.

### **kation (Ig. cation; Id. kation)**

- 1 Atom atau kumpulan atom yang beras positif.
- 2 Radikal yang bergerak ke kutub negatif (katod) semasa **elektrolisis**.

### **katod (Ig. cathode; Id. katode)**

- 1 Kutub yang beras positif pada sel primer atau bateri penyimpan.
- 2 Sumber primer bagi elektron-elektron di dalam tiub elektron.
- 3 Terminal **diod semikonduktor** yang negatif terhadap terminal-terminal lain apabila diod tersebut pincang depan.

**katod keupayaan tunggal kedalaman tusukan/kedalaman tembusan**

**katod keupayaan tunggal (Ig. unipotential cathode; Id. katode unipotensial)**

Katod yang habanya dibekalkan oleh unsur pemanas bebas di dalam tiub termion dan katod tersebut mempunyai keupayaan yang sama pada keseluruhan permukaannya.

**keabadian cas (Ig. conservation of charge; Id. kekekalan muatan)**

Prinsip yang menyatakan bahawa jumlah cas bagi suatu sistem terpenting adalah malar.

**keabadian tenaga (Ig. conservation of energy; Id. kekekalan tenaga)**

Prinsip yang menyatakan bahawa tenaga tidak boleh dicipta atau dimusnah.

**keamatan elektrik (Ig. electric intensity; Id. intensitas elektrik)**

lih. kekuatan medan elektrik.

**kebakian/keremanenan (Ig. remanence; Id. kesakian)**

Ketumpatan fluks magnet yang masih ada di dalam litar magnet setelah daya gerak magnet yang dikenakan dibuang. Sekiranya litar magnet tersebut mempunyai jurang udara, maka kebakian adalah kurang daripada ketumpatan fluks sisa.

**kecapahan (Ig. divergence; Id. divergens)**

Perebakan strim sinar katod yang disebabkan oleh tolakan cas elektron yang sama.

**kecekapan (Ig. efficiency; Id. efisiensi)**

Nisbah yang dinyatakan sebagai peratus keluaran kuasa yang berguna terhadap kuasa masukan sesuatu peranti.

**kecerunan keupayaan (Ig. potential gradient; Id. gradien potensial)**

Kecerunan yang diukur daripada perbezaan nilai voltan per unit panjang suatu pengkonduksi atau menerusi suatu dielektrik.

**kedalaman tusukan/kedalaman tembusan (Ig. penetration depth; Id. tebal kulit)**

Lapisan menebal ke dalam daripada permukaan suatu pengkonduksi di dalam pemanasan aruhan. Rintangan lapisan tersebut terhadap arus terus adalah sama dengan rintangan seluruh pengkonduksi terhadap arus ulang-alik pada frekuensi tertentu.

**kediamagnet/diamagnetisme**

**kehilangan dialektrik**

**kediamagnetan/diamagnetisme (Ig. diamagnetism; Id. diamagnetisme)**

Sifat sesuatu bahan yang ditolak oleh magnet.

**keelektrikan (Ig. electricity; Id. keelektrikan)**

Fenomenon fizik yang melibatkan cas-cas elektrik dan kesan cas itu apabila ia rehat atau bergerak.

**keengganan (Ig. reluctance; Id. engganan; reluktans)**

lih. engganan magnet.

**keferimagnetan (Ig. ferrimagnetism; Id. ferimagnetisme)**

Kemagnetan yang **momen magnet** bagi ion-ion jiran cenderung untuk menjajar secara tak selari antara satu dengan lain. Momen-momen tersebut mempunyai magnitud yang berbeza yang akan mewujudkan pemagnetan paduan.

**keferoelektrikan (Ig. ferroelectricity; Id. keferoelektrikan)**

Pengutuban elektrik spontan di dalam hablur; beranalog dengan **keferomagnetan**.

**keferomagnetan/feromagnetisme (Ig. ferromagnetism; Id. ferromagnetisme)**

Sifat yang dipamerkan oleh logam dan aloi tertentu, sebatian unsur peralihan (kumpulan besi) dan aktinid yang **momen magnetnya** secara spontan tersusun pada arah yang sepunya dan mewujudkan **histeresis magnet** serta ketelapan yang lebih besar daripada vakum.

**kefotoelektrikan (Ig. photoelectricity; Id. fotoelektrisitas)**

lih. kesan fotoelektrik.

**kefotoionan (Ig. photoionization; Id. fotoionisasi)**

Perihal pembuangan satu atau lebih elektron daripada atom atau molekul yang disebabkan oleh penyerapan **foton** nampak atau cahaya ultralembayung.

**kefotokonduksian (Ig. photoconductivity; Id. fotoketerhantaran)**

Penambahan pada **kekondusian elektrik** yang dipamerkan oleh beberapa pepejal bukan logam apabila menyerap sinaran elektromagnet.

**kehilangan dielektrik (Ig. dielectric loss; Id. kehilangan dielektrik)**

Tenaga elektrik yang bertukar menjadi haba di dalam dielektrik dan


## kejunaman magnet

## kekuatan kutub magnet

tenaga ini tertakluk kepada **medan elektrik** yang berubah.

### kejunaman magnet (*Ig. magnetic dip; Id. kejunaman magnet*)

Sudut yang dibuat oleh arah medan magnet keseluruhan bumi dengan ufuk dan berubah daripada  $0^\circ$  di khatulistiwa magnet ke  $90^\circ$  di kutub-kutub magnet.



Kejunaman magnet

### kekondusian elektrik (*Ig. electric conductivity; Id. keterhantaran elektris*)

Nisbah ketumpatan arus elektrik dengan medan elektrik di dalam sesuatu bahan.

### kekuatan dielektrik (*Ig. dielectric strength; Id. kuat dielektrik*)

Kecerunan keupayaan elektrik maksimum yang boleh ditanggung oleh sesuatu bahan tanpa mengalami kebocoran; biasanya dinyatakan dalam volt per mm tebal.

### kekuatan kutub magnet (*Ig. magnetic pole strength; Id. kuat kutub magnet*)

Magnitud suatu kutub magnet (khayalan) yang sama dengan daya

dikenakan pada kutub tersebut dibahagi dengan aruhan magnet (atau kekuatan medan magnet).

**kekuatan medan elektrik** (*Ig. electric field strength; Id. kuat medan elektrik*)

Daya pada cas positif yang pegun per unit cas di suatu titik di dalam medan elektrik. Simbol: E.

**kekuatan medan magnet** (*Ig. magnetic field strength; Id. kuat medan magnetik*)

Magnitud medan magnet yang diukur dalam ampere per meter. Simbol: Am<sup>-1</sup>

**kelincahan elektron** (*Ig. electron mobility; Id. kelincahan elektron/mobilitas elektron*)

Pergerakan hanyut elektron di dalam suatu semikonduktor iaitu halaju elektron dibahagi dengan medan elektrik yang dikenakan.

**kemagnetan/magnetisme** (*Ig. magnetism; Id. magnetisme*)

Fenomenon yang melibatkan **medan magnet** dan kesannya terhadap bahan-bahan.

**kemagnetan bumi/magnetisme bumi** (*Ig. earth's magnetism; Id. magnetisme bumi*)

Suatu cabang ilmu sains mengenai kemagnetan bumi dan perubahannya.

**kemagnetan daratan/magnetisme daratan** (*Ig. terrestrial magnetism; Id. magnetisme daratan*)

- 1 Kemagnetan bumi.
- 2 Ilmu tentang kemagnetan bumi.

**keparamagnetan/paramagnetisme** (*Ig. paramagnetism; Id. paramagnetisme*)

Sifat yang dipamerkan oleh bahan yang apabila diletakkan di dalam **medan magnet**, bahan tersebut akan termagnet selari dengan medan serta ke tahap yang berkadar dengan medan tersebut (melainkan dalam **medan magnet** yang sangat besar atau pada suhu yang sangat rendah).

**kepilihan** (*Ig. selectivity; Id selektivitas*)

Kebolehan alat penerima radio untuk memisahkan frekuensi isyarat

**kerentanan**

**kesan Einstein-de Haas**

yang dikehendaki daripada frekuensi isyarat yang lain walaupun perbeaan nilai yang dikehendaki hanya sedikit sahaja.

**kerentanan (Ig. susceptibility; Id. kerentanan)**

*lih. kerentanan elektrik, kerentanan magnet.*

**kerentanan elektrik (Ig. electric susceptibility; Id. kerentanan elektrik)**

Parameter tanpa dimensi yang mengukur kemudahan pengutuban sesuatu dielektrik dalam unit meter-kilogram-saat yang sama dengan nisbah pengutuban dengan hasil darab **medan elektrik** dengan ketelusan vakum.

**kerentanan magnet (Ig. magnetic susceptibility; Id. kerentanan magnetik)**

Nisbah pemagnetan suatu bahan terhadap kekuatan **medan magnet**. Nisbah tersebut adalah suatu tensor apabila kedua-dua kuantiti tidak selari, dalam hal lain nisbah adalah nombor mudah. kerentanan.

**kerintangan (Ig. resistivity; Id. keterhambatan; resistivitas)**

Rintangan elektrik yang diberikan oleh suatu bahan kepada aliran arus, didarab dengan luas keratan rentas aliran arus dan dibahagi dengan jarak lintasan arus. **rintangan tentu**.

**kesan Auger (Ig. Auger effect; Id. efek Auger)**

Peralihan elektron di dalam atom dari tahap elektron terion diskret ke tahap terion selanjar bagi tenaga yang sama tanpa mengeluarkan sinaran.

**kesan Barnett (Ig. Barnett effect; Id. kesan Barnett)**

Kesan magnet sementara yang wujud pada besi apabila diputar dengan kelajuan tinggi sekitar paksinya.

**kesan Doppler (Ig. Doppler effect; Id. efek Doppler)**

Perubahan yang berlaku pada frekuensi tercerap bagi **gelombang elektromagnet** yang disebabkan oleh gerakan relatif di antara sumber dan pencerap.

**kesan Einstein-de Haas (Ig. Einstein-de Haas effect; Id. efek Einstein-de Haas)**

Putaran yang berlaku pada jasad daripada bahan feromagnet yang tergantung bebas apabila pemagnetannya berubah.

## kesan Faraday

## kesan jepitan

### kesan Faraday (*Ig. Faraday effect; Id. efek Faraday*)

Putaran pengutuban alur cahaya yang terkutub linear apabila melintasi jirim pada arah **medan magnet** yang dikenakan. Kesan ini hasil daripada dwirefringens Faraday.

### kesan fotoelektrik (*Ig. photoelectric effect; Id. efek fotoelektrik*)

Peninaran elektron daripada permukaan pepejal (atau cecair) apabila permukaan itu disinari dengan sinaran elektromagnet. **kefotoelektrikan**.

### kesan fotovolta (*Ig. photovoltaic effect; Id. efek fotovoltaik*)

Pengeluaran **daya gerak elektrik** di antara dua lapisan bahan yang berlainan apabila disinari dengan **sinaran elektromagnet**.

### kesan giromagnet (*Ig. gyromagnetic effect; efek giromagnet*)

Putaran yang teraruh di dalam suatu jasad akibat perubahan pemagnetannya atau pemagnetan yang dihasilkan oleh putaran.

### kesan Gunn (*Ig. Gunn effect; Id. efek Gunn*)


Penghasilan arus yang turun naik secara deras di dalam suatu bongkah **semikonduktur** (gallium arsenid jenis-n) apabila suatu voltan malar di atas suatu nilai genting dikenakan pada permukaan berlawanan yang bersentuhan.

### kesan Hall (*Ig. Hall effect; Id. efek Hall*)

Penghasilan perbeaan keupayaan di antara dua permukaan **pengkonduksi** yang berlawanan apabila arus elektrik dilalukan menerusi **pengkonduksi** dan medan magnet diberikan bersudut tepat dengan **pengkonduksi**.

### kesan jepitan (*Ig. pinch effect; Id. efek pencet*)

Manifestasi/penjelmaan swatarikan magnet bagi arus-arus elektrik selari seperti kecerutan gas terion di dalam tiub nyahcas, atau kecerutan logam lebur yang dilalui oleh arus yang besar.



Contoh kesan jepitan. Arus I yang teragih seragam di dalam dawai silinder akan menghasilkan daya mampatan sebagaimana yang ditunjukkan oleh anak panah di kiri gambar rajah.

## **kesan Joshi**

## **kesan Peltier**

### **kesan Joshi (*Ig. Joshi effect; Id. efek Joshi*)**

Perubahan yang berlaku pada arus di dalam sesuatu gas yang disebabkan oleh penyinaran cahaya.

### **kesan Joule (*Ig. Joule effect; Id. efek Joule*)**

Kesan pemanasan yang dihasilkan oleh aliran arus melalui perintang.

### **kesan Kendall (*Ig. Kendall effect; Id. efek Kendall*)**

Pola palsu atau herotan yang berlaku di dalam rekod faksimili yang disebabkan oleh keluaran bermodulasi yang tak diingini yang timbul daripada pemancaran isyarat pembawa.

### **kesan Kerr (*Ig. Kerr effect; Id. efek Kerr*)**

Dwifringens yang teraruh oleh suatu **medan elektrik**.

### **kesan kulit Kelvin (*Ig. Kelvin skin effect; Id. efek kulit Kelvin*)**

Kecenderungan **arus ulang-alik** untuk mengalir hampir kepada permukaan suatu **pengkonduksi** dan aliran akan terhad pada sebahagian kecil daripada jumlah luas keratan yang akan menghasilkan kesan penambahan rintangan.

### **kesan Luxemburg (*Ig. Luxemburg effect; Id. efek Luxemburg*)**

Modulasi silang yang berlaku antara dua isyarat radio semasa melalui **ionosfera** dan disebabkan oleh ketaklinearan ciri-ciri rambatan bagi cas-cas bebas di dalam ruang.

### **kesan magnet kalori (*Ig. magneto caloric effect; Id. efek mangetokalori*)**

Perubahan suhu yang bersaingan dengan perubahan pemagnetan suatu bahan feromagnet. Perubahan ini boleh berbalik.

### **kesan Meissner (*Ig. Meissner effect; Id. efek Meissner*)**

Kesan yang timbul akibat daripada pembuangan **fluks magnet** dari kawasan dalaman bahan superkonduksi apabila bahan tersebut mengalami peralihan ke fasa superkonduksi.

### **kesan Paschen-Back (*Ig. Paschen-Back effect; Id. efek Paschen-Back*)**

Kesan pada garis-garis spektrum apabila sumber cahayanya berada di dalam **medan magnet** yang sangat kuat.

### **kesan Peltier (*Ig. Peltier effect; Id. efek Peltier*)**

Kesan yang timbul apabila haba beredar atau diserap oleh cantuman

## **kesan piezoelektrik**

## **kesan Zener**

dua logam berlainan yang membawa arus kecil. Edaran atau serapan tersebut bersandar kepada arah arus.

### **kesan piezoelektrik (*Ig. piezoelectric effect; Id. efek piezoelektrik*)**

- 1 Kesan akibat penjanaan pengkutuban elektrik di dalam hablur di-elektrik tertentu sebagai hasil daripada penggunaan tegasan mekanik.
- 2 Kesan balikan apabila penggunaan voltan antara muka-muka tertentu suatu hablur akan menghasilkan herotan mekanik pada hablur itu.

### **kesan Raman (*Ig. Raman effect; Id. efek Raman*)**

Fenomenon yang tercerap dalam penyerakan cahaya semasa melalui medium lutsinar yang menunjukkan cahaya tersebut mengalami perubahan frekuensi serta perubahan rawak fasa disebabkan oleh perubahan tenaga putaran atau getaran molekul penyerakan.

### **kesan Seebeck (*Ig. Seebeck effect; Id. efek Seebeck*)**

Kesan yang timbul akibat daripada penjanaan voltan yang disebabkan oleh perbezaan suhu antara dua cantuman logam-logam yang berlainan di dalam litar yang sama.

### **kesan termoelektrik (*Ig. thermoelectric effect; Id. efek termoelektrik*)**

Kesan akibat daripada penukaran terus haba kepada tenaga elektrik atau sebaliknya. ketermoelektrikan.

### **kesan termomagnet (*Ig. thermomagnetic effect; Id. efek termomagnet*)**

Fenomenon elektrik atau magnet yang berlaku apabila suatu **pengkonduksi** atau **semikonduktor** diletakkan secara serentak di dalam kecerunan suhu dan **medan magnet**, misalnya kesan Ettingshausen-Nernst dan kesan Righi-Leduc.

### **kesan Thomson (*Ig. Thomson effect; Id. efek Thomson*)**

**Kesan termoelektrik** yang berlaku apabila haba mengalir ke dalam pengkonduksi homogen atau keluar dari pengkonduksi homogen apabila arus elektrik mengalir antara dua titik pengkonduksi pada suhu berlainan.

### **kesan Zener (*Ig. Zener effect; Id. efek Zener*)**

Kesan yang berlaku akibat runtuhan tanpa musnah di dalam suatu **semikonduktor** apabila **medan elektrik** yang melintasi kawasan sawar cukup tinggi untuk menghasilkan suatu bentuk pancaran medan yang

**keserongan magnet/curaman magnet****ketegasan magnet**

secara tiba-tiba menambah bilangan pembawa-pembawa di dalam kawasan tersebut.

**keserongan magnet/curaman magnet (*Ig. magnetic declination; Id. deklinasi magnetik*)**

Sudut antara meridian magnet dan meridian geografi pada suatu titik tertentu dan diungkap dalam darjah dan minit timur atau barat untuk menunjukkan arah utara magnet daripada utara sebenar.

**kesetaraan elektrokimia (*Ig. electrochemical equivalent; Id. kesetaraan elektrokimia*)**

Berat dalam gram sesuatu bahan yang dihasilkan atau digunakan semasa elektrolisis dengan kecekapan arus 100% apabila aliran kuantiti keelektrikan sama dengan 1 Faraday ( $96\,487.0 \pm 1.6$  coulomb).

atau

Jisim apa jua ion yang terendap daripada larutan apabila arus 1 ampere mengalir dalam 1 saat.

**kesuperkonduksian (*Ig. superconductivity; Id. adiketerhantaran; superkonduktivitas*)**

Sifat beberapa logam, aloi dan sebatian kimia yang kerintangan elektrik menjadi lenyap pada nilai suhu genting dan bahan tersebut akan menjadi diamagnet yang kuat.

**ketahanan (*Ig. retentivity; Id. retentivitas*)**

Ketumpatan fluks yang masih ada (tinggalan) yang sepadan dengan aruhan penepuan bahan magnet.

**ketakisotropan (*Ig. anisotropy; Id. ketakisotropan*)**

Ciri suatu bahan yang sifat fiziknya seperti kekonduksian, indeks pembiasaan, ketelapan dan sebagainya, berubah mengikut arah pengukuran dibuat.

**ketegasan magnet (*Ig. magnetic rigidity; Id. ketegasan magnetik*)**

1 Ukuran momentum bagi suatu zarah yang bergerak serenjang kepada **medan magnet** yang sama dengan hasil darab aruhan magnet dengan jejari kelengkungan zarah.

2 Kewujudan daya pemulih yang menentang sesaran bendalir **pengkonduksi** apabila wujud **medan magnet**.

**ketelapan** **ketumpatan cas**

**ketelapan** (*Ig. permeability; Id. ketelapan*)  
lih. **ketelapan magnet.**

**ketelapan magnet** (*Ig. magnetic permeability; Id. ketelapan magnetik*)

Faktor yang berkadar dengan aruhan magnet yang terhasil di dalam suatu bahan dibahagi dengan kekuatan **medan magnet**. Faktor tersebut adalah suatu tensor apabila kuantiti-kuantiti di atas tidak selari. **ketelapan.**

**ketelapan mutlak** (*Ig. absolute permeability; Id. ketelapan mutlak*)

Nisbah ketumpatan **fluks magnet** dengan keamatan medan magnet di dalam sesuatu medium yang diukur dengan unit weber per meter kuasa dua.

**ketelapan relatif** (*Ig. relative permeability; Id. ketelapan nisbi; permeabilitas relatif*)

Nisbah **ketelapan** sesuatu bahan terhadap ketelapan ruang bebas. Nilai nisbah tersebut kurang daripada satu bagi bahan diamagnet, tetapi menjadi lebih daripada satu bagi bahan paramagnet. Nisbah ini sangat tinggi dan berubah tidak malar dengan kekuatan medan bagi bahan feromagnet.

**ketelusan mutlak** (*Ig. absolute permittivity; Id. keelutan mutlak*)

Ukuran darjah penentangan bagi sesuatu bahan antara terhadap pengaliran cas yang ditakrifkan sebagai nisbah sesaran elektrik dengan keamatan medan elektrik yang menghasilkan sesaran tersebut. Nilai ini diukur dalam farad per meter dan nilainya melebihi 1.

**ketelusan relatif** (*Ig. relative permittivity; Id. permitivitas relatif*)

lih. **pemalar dielektrik.**

**ketermoelektrikan** (*Ig. thermoelectricity; Id. ketermoelektritas*)

lih. **kesan termoelektrik**

**ketumpatan arus** (*Ig. current density; Id. rapat arus*)

Amaun arus per unit luas keratan rentas bagi suatu pengkonduksi.

**ketumpatan cas** (*Ig. charge density; Id. rapat muatan*)

Amaun cas per unit luas pada permukaan atau per unit isipadu di dalam sesuatu ruang.

**ketumpatan kuasa**

**keupayaan terencat/keupayaan terbantut**

**ketumpatan kuasa (*Ig. power density; Id. rapat daya*)**

Amaun kuasa per unit luas bagi mikro gelombang yang tersinar atau **medan elektromagnet** yang lain dan biasanya disebut dalam watt per sentimeter kuasa dua.

**keupayaan elektrik (*Ig. electric potential; Id. keupayaan elektrik*)**

kerja yang perlu dilakukan melawan **daya elektrik** untuk membawa suatu cas unit dari suatu titik rujukan ke suatu titik tertentu. **keupayaan elektrostatik**.

**keupayaan elektrod (*Ig. electrode potential; Id. potensial elektrode*)**

Nilai voltan seketika suatu elektrod merujuk kepada katod bagi tiub elektron.

**keupayaan elektrod piawai (*Ig. standard electrode potential; Id. potensial elektrode standard; potensial elektrode baku*)**

Keupayaan keseimbangan atau keupayaan boleh berbalik bagi elektrod dalam persekitaran yang bahan-bahan tindak balas dan hasil keluaran adalah pada unit keaktifan.

**keupayaan elektrostatik (*Ig. electrostatic potential; Id. potensial elektrostatik*)**

*lih. keupayaan elektrik.*

**keupayaan magnet (*Ig. magnetic potential; Id. potensial magnetik*)**

Kerja yang perlu dilakukan melawan **medan magnet** untuk membawa suatu kutub magnet dengan unit kekuatan daripada suatu titik rujukan (biasanya di infiniti) ke suatu titik tertentu.

**keupayaan skalar (*Ig. scalar potential; Id. potensial skalar*)**

Fungsi skalar yang kecerunan negatifnya sama dengan suatu medan vektor sekurang-kurangnya apabila medan tersebut tidak bergantung kepada masa, contohnya seperti keupayaan elektrostatik  $V$  dalam persamaan  $\mathbf{V} = -\mathbf{E}$ ,  $E$  adalah medan elektrik.

**keupayaan terencat/keupayaan terbantut (*Ig. retarded potential; Id. potensial tegap*)**

Keupayaan elektromagnet pada masa  $t$  dan pada satu titik di dalam ruang  $r$  di dalam keruncut cahaya lampau. Keupayaan ini merupakan fungsi cas dan arus yang wujud lebih awal lagi pada titik itu dalam suatu peristiwa  $r, t$ .

**keupayaan vektor (Ig. vector potential; Id. potensial vektor)**

Fungsi vektor **A** yang ikalnya adalah sama dengan aruhan magnet **B** iaitu  $\nabla \times \mathbf{A} = \mathbf{B}$ .

**khatulistiwa magnet (Ig. magnetic equator; Id. khatulistiwa magnet)**

Garisan yang menyambungkan kesemua titik-titik yang **kejunaman magnet** adalah sifar pada permukaan bumi.

**klistron (Ig. klystron; Id. klistron)**

Tiub vakum alur elektron yang menghasilkan modulasi ketumpatan apabila halaju modulasi awal dikenakan pada elektron di dalam alur tersebut. Tiub tersebut berfungsi sebagai amplifier di dalam kawasan mikrogelombang ataupun sebagai pengayun.

**klistron refleks (Ig. reflex klystron; Id. klistron refleks)**

**Klistron** rongga tunggal yang alur elektronnya terpantul balik menerusi **alat resonan/resonator** oleh elektrod penolakan yang mempunyai voltan negatif.

**kompas (Ig. compass; Id. kompas)**

Alat untuk menunjukkan arah medan daya magnet. Alat ini terdiri daripada magnet kecil terpangsi yang bebas bergerak dalam satah mengufuk.

**kompas magnet (Ig. magnetic compass; Id. kompas magnetic)**

**Kompas** yang arah dayanya mengikut tarikan komponen mengufuk medan magnet bumi.

**konduksi (Ig. conduction; Id. konduksi)**

Laluan cas elektrik yang boleh berlaku melalui beberapa proses seperti laluan elektron-elektron atau atom-atom terion.

**konduktans (Ig. conductance; Id. konduktans)**

Bahagian hakiki **admitans** bagi sesuatu litar.

**kotak rintangan (Ig. resistance box; Id. kotak hambatan)**

Kotak yang mengandungi beberapa perintang jitu yang disambung kepada terminal-terminal panel atau sentuhan supaya suatu nilai rintangan yang diperlukan boleh diperolehi dengan cara mencabut palam atau memasang suis berbilang sentuhan.

**kuar**

**kutub magnet**

**kuar (*Ig. probe; Id. penduga*)**

- 1 Suatu batang logam bertebat yang diunjurkan ke dalam pemandu gelombang atau rongga resonan yang digunakan sebagai penyelenggara gandingan kepada suatu litar luar untuk menyuntik atau mengekstrak tenaga atau untuk mengukur nisbah gelombang pegun.
- 2 Peranti kecil yang boleh dibawa bersentuhan dengan atau dimasukkan ke dalam suatu sistem untuk membuat pengukuran ke atas sistem.

**kuasa (*Ig. power; Id. daya*)**

Kadar penggunaan tenaga atau kadar melakukan kerja. Dalam litar elektrik **arus terus**, kuasa  $W$  adalah dalam watt dan dirumuskan sebagai  $W = IV$ ,  $V$  adalah beza keupayaan dalam volt dan  $I$  adalah arus dalam ampere.

**kuasa aktif (*Ig. active power*)**

Hasil darab voltan merentasi suatu cabang litar **arus ulang-alik** dengan komponen arus elektrik yang sefasa dengan voltan tersebut.

**kuasa elektrik (*Ig. electric power; Id. daya elektrik*)**

Kadar penukaran tenaga elektrik kepada tenaga dalam bentuk lain yang bersamaan dengan hasil darab arus dengan penurunan voltan.

**kuasa ketara (*Ig. apparent power*)**

Hasil darab punca min kuasa dua voltan dan punca min kuasa dua arus di dalam litar **arus ulang-alik**.

**kuasa sinaran (*Ig. radiation energy; Id. kuasa penyinaran*)**

lih. emitans.

**kutub magnet (*Ig. magnetic pole; Id. kutub magnet*)**

- 1 Salah satu daripada dua kawasan pada hujung suatu magnet yang menjana **medan magnet** serta bertindak balas dengan **medan magnet**.
- 2 Zarah yang menjana medan magnet serta bertindak balas dengan **medan magnet** itu.

# L

**lampu pendarfluor** (*Ig. fluorescent lamp; Id. lampu pendarfluor*)

Lampu nyahcas berbentuk tiub yang pengionan wap raksa akan mengeluarkan sinaran yang mengaktifkan salutan pendarfluor pada permukaan di bahagian dalam tiub kaca tersebut.

**lebar jalur** (*Ig. bandwidth; Id. lebar pita*)

Perbezaan antara had frekuensi sesuatu jalur yang mengandungi komponen frekuensi yang berguna untuk suatu isyarat.

**lembapan genting** (*Ig. critical damping; Id. lembapan genting*)

Lembapan yang berada dalam sistem linear pada ambang antara ayunan dan sifat eksponen.

**lembapan lampau** (*Ig. overdamping; Id. lewat redam*)

Lembapan yang lebih besar daripada **lembapan genting**.

**lesapan kuasa** (*Ig. power loss; Id. rugi daya; lesapan daya*)

Nisbah kuasa yang diserap oleh litar masukan suatu **transduser** dengan kuasa yang diberikan kepada suatu beban tertentu.

**lesapan ohm** (*Ig. ohmic loss; Id. lesapan ohmik*)

Kehilangan tenaga elektrik yang menyebabkan tenaga bertukar menjadi haba apabila arus mengalir menerusi suatu perintang.

**litar** (*Ig. circuit; Id. untai*)

Rangkaian beberapa pengkonduksi elektrik yang bersambung antara satu dengan lain untuk membolehkan laluan arus.

**litar anod** (*Ig. anode circuit; Id. litar anode*)

**Litar** elektrik lengkap bagi suatu tiub elektron. Litar ini disambung antara anod dan katod.

**litar beban** (*Ig. load circuit; Id. untai beban*)

**litar elektrik****litar sapuan**

**Litar** lengkap yang diperlukan untuk memindahkan kuasa daripada suatu sumber (misalnya tiub elektron) kepada suatu beban.

**litar elektrik (Ig. electric circuit; Id. untai elektrik)**

- 1 Lintasan atau kumpulan lintasan saling sambung yang boleh membawa arus elektrik.
- 2 Susunan yang terdiri daripada satu atau lebih lintasan lengkap dan tertutup bagi aliran elektron.

**litar logik (Ig. logic circuit; Id. untai nalar)**

**Litar** komputer yang memberikan tindakan bagi fungsi logik atau operasi logik.

**litar magnet (Ig. magnetic circuit; Id. untai magnetik)**

Kumpulan garis **fluks magnet** yang setiap satunya membentuk lintasan tertutup.

**litar magnet toroid (Ig. toroid magnetic circuit; Id. untai magnet toroid)**

lih. toroid.

**litar monostabil (Ig. monostable circuit; Id. untai ekamantap)**

**Litar** yang mempunyai hanya satu keadaan stabil dan litar tersebut kembali kepada keadaan stabil dalam julat masa tertentu setelah terpicu.

**litar multistabil (Ig. multistable circuit; Id. untai multistabil)**

**Litar** yang mempunyai satu atau lebih keadaan pengoperasian yang stabil.

**litar pembilang (Ig. counter circuit; Id. untai pencacah)**

**Litar** yang membilang denyutan dengan menggunakan teknik pembahagian frekuensi atau dengan cara mengecas kapasitor supaya mengeluarkan voltan yang berkadar dengan bilangan denyutan.

**litar pintas (Ig. short circuit; Id. hubung singkat)**

Sambungan rintangan rendah yang melintasi sumber voltan atau antara kedua-dua belah litar atau talian. **Litar** ini menghasilkan aliran arus yang berlebihan yang boleh menyebabkan kerosakan.

**litar sapuan (Ig. sweep circuit; Id. untai lejang)**

**Litar** yang terdiri daripada pengayun sapuan, amplifier sapuan untuk

**litar selari****litar terkamir**

menghasilkan arus atau voltan pesongan bagi tiub sinar katod.

**litar selari (*Ig. parallel circuit; Id. untai sejajar*)**

**Litar elektrik** yang hujung unsur, cabang (mempunyai unsur-unsur secara siri), atau komponen-komponennya disambung kepada dua titik.

**litar setara (*Ig. equivalent circuit; Id. untai setara*)**

**Litar** yang sifatnya serupa dengan suatu litar yang lebih kompleks dalam julat pengoperasian tertentu.

**litar siri (*Ig. series circuit; Id. untai seri*)**

**Litar** yang kesemua bahagiannya disambungkan hujung ke hujung untuk memberikan lintasan tunggal untuk aliran arus.

**litar tangki (*Ig. tank circuit; Id. untai tangki*)**

**Litar** yang mempamerkan resonans pada satu atau lebih frekuensi dan berkebolehan untuk menyimpan tenaga elektrik. Litar ini meliputi suatu jalur frekuensi selanjar di sekitar frekuensi resonans.

**litar tetimbang (*Ig. bridge circuit; Id. untai jambatan*)**

**Litar** yang terdiri daripada empat **impedans** disambung secara siri berbentuk segi empat tepat. Sepasang pepenjuru yang berlawanan disambung kepada peranti masukan dan sepasang pepenjuru yang lain disambung kepada peranti keluaran.

**litar terbuka (*Ig. open circuit; Id. untai terbuka*)**

**Litar elektrik** yang tiada lintasan lengkap bagi aliran arus.

**litar tercetak (*Ig. printed circuit; Id. untai tercetak*)**

Pola konduksian yang sama ada mengandungi komponen-komponen tercetak atau tidak. Pola ini dibentuk mengikut suatu reka bentuk pra tertentu secara berulang dengan jitu pada permukaan bertapak penebat.

**litar terganding (*Ig. coupled circuit; Id. untai tersambat*)**

Dua atau lebih **litar elektrik** yang disusun supaya tenaga boleh berpindah secara elektrik atau magnet daripada satu litar kepada litar yang lain.

**litar terkamir (*Ig. integrated circuit; Id. untai terpadu*)**

**litar tertala****lohong**

Susun atur saling berkait unsur-unsur aktif atau pasif. Unsur-unsur ini terkamir dengan substrat semikonduktor tunggal atau terendap pada substrat oleh suatu proses sepadan yang bersiri selanjar dan mampu melakukan sekurang-kurangnya satu fungsi litar elektronik yang lengkap.

**litar tertala (*Ig. tuned circuit; Id. untai tertala*)**

*Litar* yang komponen-komponennya boleh dilaras supaya litar tersebut dapat menerima frekuensi tertentu dalam julat penalaan.

**loceng elektrik (*Ig. electric bell; Id. loceng elektrik*)**

Loceng yang tukulnya digerakkan secara elektrik dengan menggunakan solenoid.

**lohong (*Ig. hole*)**

Keadaan tenaga elektron kosong yang berada hampir dengan bahagian atas jalur tenaga di dalam suatu pepejal dan bersifat seperti zarah beras positif.

# M

**magnet** (*Ig. magnet; Id. magnet*)

**Bahan feromagnet** atau bahan ferimagnet yang domainnya terjajar se-cukupnya supaya menghasilkan **medan magnet** bersih di luar bahan dan bahan tersebut boleh mengalami tork bersih apabila berada di dalam medan magnet luar.

**magnet kekal** (*Ig. permanent magnet; Id. magnet daim*)

Bahan keluli atau bahan magnet yang telah termagnet dengan kuat dan bahan ini boleh menyimpan kemagnetannya secara kekal.

**magnet ladam kuda** (*Ig. horse shoe magnet; Id. magnet ladam kuda*)

**Magnet kekal** atau **elektromagnet** yang terasnya berbentuk seperti ladam kuda.

**magnetometer** (*Ig. magnetometer; Id. magnetometer*)

Alat untuk mengukur magnitud dan arah medan magnet.

**magnetometer getaran** (*Ig. vibration magnetometer; Id. magnetometer getaran*)

Alat yang mengukur tempoh getaran jarum magnet untuk menentukan keamatian medan magnet mengufuk.

**magneton Bohr** (*Ig. Bohr magneton; Id. magneton Bohr*)

Nilai momen magnet yang sama dengan  $he/4\pi mc$ ,  $h$  adalah Pemalar Planck,  $e$  adalah cas elektron,  $m$  adalah jisim elektron dan  $c$  adalah halaju cahaya.

**magnetostriksi** (*Ig. magnetostriiction; Id. magnetostriksi*)

Suatu dimensi yang menunjukkan persandaran keterikan bahan feromagnet kepada arah dan takat pemagnetannya.

**magnetostriksi Joule** (*Ig. Joule magnetostriiction ; Id. Joule magnetokriksi*)

Perubahan panjang pada bahan feromagnet yang berlaku selari dengan

**magnetostriksi negatif**

**medan**

medan magnet yang dikenakan. **bd. kesan Joule.**

**magnetostriksi negatif** (*Ig. negative magnetostriiction; Id. regangan magnetik negatif*)

Pengembangan sesuatu bahan apabila dikenakan medan magnet.

**magnet superkonduksi** (*Ig. superconducting magnet; Id. magnet super-hantaran*)

**Elektromagnet** yang gegelungnya diperbuat daripada bahan superkonduksi yang mempunyai suhu peralihan tinggi dan **medan genting** yang sangat tinggi.

**magnetron** (*Ig. magnetron; Id. magnetron*)

Tiub termion yang digunakan untuk menghasilkan sinaran mikro-gelombang pada julat frekuensi 1 – 40 gigahertz. Tiub ini melepaskan elektron daripada **katod** dan elektron tersebut bergerak di bawah pengaruh medan elektrik jejari dan medan magnet paksi.

**masa sانتاian** (*Ig. relaxation time; Id. waktu pengunduran*)

- 1 Masa  $\tau$  yang sesaran suatu kuantitinya daripada nilai keseimbangannya adalah eksponen  $-t/\tau$ .
- 2 Masa gerakan elektron di dalam logam sebelum elektron tersebut terserak dan hilang momentumnya.

**masa transit** (*Ig. transit time; Id. waktu transit*)

- 1 Masa diambil oleh elektron untuk bergerak dari **katod** ke **anod** dalam tiub termion.
- 2 Masa yang diperlukan oleh pembawa cas suntikan untuk meresap merentasi kawasan sawar.

**maser** (*Ig. maser; Id. maser*)

Amplifier atau pengayun hingar-rendah yang sangat stabil dan beroperasi di bawah saling tindak di antara sinaran (foton) dengan zarah-zarah atom (elektron, atom, molekul).

**matriks serakan** (*Ig. scattering matrix; Id. matriks hamburan*)

Susun atur segi empat sama nombor-nombor kompleks yang terdiri daripada pekali penghantaran dan pekali pantulan simpangan **pemandu gelombang**.

**medan** (*Ig. field; Id. medan*)

**medan abadi****medan magnet**

Bahagian pada **motor elektrik** atau **janakuasa elektrik** yang mewujudkan **fluks magnet** yang bertindak balas dengan **angker** untuk menghasilkan gerakan pada mesin.

**medan abadi (Ig. conservative field; Id. medan konservatif)**

Medan daya untuk melakukan kerja untuk membawa zarah dari satu titik ke titik yang lain dalam medan tersebut. Medan ini bebas daripada laluan di antara titik-titik itu.

**medan berbilang kutub (Ig. multipole field; Id. medan multikutub)**

**Medan elektrik** dan **medan magnet** yang terjana oleh **berbilang kutub elektrik** dan statik atau berayun atau berbilang kutub magnet statik atau berayun.

**medan dekat (Ig. near field; Id. medan dekat)**

**Medan elektromagnet** yang wujud di sekitar satu jarak gelombang sumber **sinaran elektromagnet**.

**medan elektrik (Ig. electric field; Id. medan elektrik)**

- 1 Satu daripada medan asas alam semesta. Medan tersebut akan menyebabkan penarikan atau penolakan jasad beras dengan jasad beras yang lain.
- 2 Daya elektrik per unit cas yang diuji.

**medan elektromagnet (Ig. electromagnetic field; Id. medan elektromagnetik)**

**Medan elektrik** atau **medan magnet** atau gabungan kedua-duanya seperti dalam **gelombang elektromagnet**.

**medan ektrostatik (Ig. electrostatic field; Id. medan elektrostatik)**

**Medan elektrik** yang tidak bersandar kepada masa; contohnya medan yang dihasilkan oleh cas elektrik yang pegun.

**medan genting (Ig. critical field; Id. medan genting)**

Nilai paling kecil secara teori bagi ketumpatan fluks magnet mantap yang boleh menghalang elektron yang dipancarkan dengan halaju sifar daripada katod **magnetron** untuk sampai ke anod.

**medan magnet (Ig. magnetic field; Id. medan magnetik)**

Salah satu daripada medan asas dalam alam semesta. Medan tersebut didapati di kawasan berhampiran dengan jasad magnet di dalam

**membumikan**

**mikrofon gegelung gerak**

medium yang membawa arus, atau di dalam gelombang cahaya. Medan ini wujud di sepanjang medan elektrik.

**membumikan (Ig. earthing; Id. membumikan)**

Penyambungan alat elektrik kepada jisim utama, iaitu bumi dengan menggunakan **pengkonduksi** yang mempunyai **impedans** yang sangat rendah.

**meridian magnet (Ig. magnetic meridian; Id. meridian magnetik)**

Garis yang setiap titiknya pada arah mengufuk medan magnet bumi.

**MESFET (Ig. MESFET (metal semiconductor field-effect transistor); Id. MESFET)**

**Transistor kesan medan** yang menggunakan saput tips galium arsenid dengan get **sawar Schottky**.

**meter frekuensi (Ig. frequency meter; Id. frekuensimeter)**

Alat untuk mengukur frekuensi arus ulang-alik biasanya dalam unit hertz, kilohertz dan megahertz.

**meter gelombang (Ig. wave meter; Id. alat ukur gelombang)**

Alat untuk mengukur frekuensi atau jarak gelombang **sinaran elektromagnet**.

**meter keupayaan (Ig. potentiometer; Id. potensiometer)**

1 Perintang yang mempunyai sentuhan gelongsor yang selanjar dan boleh laras dan digunakan sebagai pembahagi voltan.

2 Peranti untuk mengukur **daya gerak elektrik** dengan membandingkan beza keupayaan yang diketahui.

**meter kuasa (Ig. power meter; Id. alat ukur daya)**

Peranti untuk mengukur kuasa elektrik yang digunakan. **meter kuasa elektrik**.

**meter kuasa elektrik (Ig. electric power meter; Id. alat ukur daya elektrik)**

*lih. meter kuasa.*

**mikrofon gegelung gerak (Ig. moving-coil microphone; Id. mikrofon kumparan gerak)**

Mikrofon yang mempunyai diafragma boleh lentur yang dipautkan kepada gegelung yang berada di dalam **medan magnet** tetap.

**mikrofon karbon**

**modulasi frekuensi**

**mikrofon karbon (Ig. carbon microphone; Id. mikrofon karbon)**

Mikrofon yang mempunyai diafragma boleh lentur yang akan bergerak apabila terkena gelombang bunyi. Gerakan tersebut akan menimbulkan tekanan yang berubah-ubah kepada bekas yang dipenuhi oleh pepasir karbon, dan rintangan mikrofon akan terjana mengikut tekanan tersebut.

**mikrogelombang (Ig. microwave; Id. mikrogelombang)**

Gelombang elektromagnet yang jarak gelombangnya di antara 0.3 dan 30 cm. dan frekuensinya 1 hingga 100 gigahertz.

**mod (Ig. mode; Id. ragam)**

Bentuk rambatan gelombang terpandu yang dicirikan oleh pola medan tertentu dalam satah yang melintang kepada arah rambatan.

**mod elektromagnet melintang (Ig. transverse electromagnetic mode; Id. ragam elektromagnetik lintang)**

**Mod** rambatan gelombang elektromagnet melintang tertentu di dalam pemandu gelombang atau rongga.

**mod magnet melintang (Ig. transverse magnetic mode; Id. ragam magnetik lintang)**

**Mod** gelombang magnet melintang tertentu yang merambat di dalam pemandu gelombang atau rongga.

**mod pendominan (Ig. dominant mode; Id. ragam menonjol)**

Mod pemandu gelombang yang mempunyai frekuensi genting paling rendah.

**modulasi (Ig. modulation; Id. modulasi)**

Proses pengubahan parameter sesuatu gelombang mengikut parameter gelombang yang lain.

**modulasi amplitud (Ig. amplitude modulation; Id. modulasi amplitudo)**

**Modulasi** yang berulang mengikut isyarat yang dipancarkan.

**modulasi fasa (Ig. phase modulation; Id. modulasi fasa)**

Perubahan berkala pada fasa arus atau fasa voltan yang berfrekuensi tinggi bersesuaian dengan frekuensi modulasi yang lebih rendah.

**modulasi frekuensi (Ig. frequency modulation; Id. modulasi frekuensi)**

**modulasi halaju****momen magnet**

Modulasi yang frekuensi seketika gelombang modulasi berbeza dengan frekuensi gelombang pembawa dengan nilai yang berkadar dengan nilai seketika gelombang modulasi.

**modulasi halaju (*Ig. velocity modulation; Id. modulasi kecepatan*)**

**Modulasi** dalam **klistron** yang berlaku apabila halaju elektron berkaitan dengan isyarat radio yang dipancarkan.

**modulator (*Ig. modulator; Id. modulator*)**

Peranti seperti **penggetar berbilang** yang digunakan dalam **radar** untuk menjana pawai denyutan pendek. Setiap penggetar bertindak sebagai pacu untuk mengayun peranti tersebut.

**molekul berkutub (*Ig. polar molecule; Id. molekul berkutub*)**

Molekul yang mempunyai momen dwikutub elektrik.

**momen berbilang kutub (*Ig. multipole moment; Id. momen multikutub*)**

Pengukuran cas, arus dan agihan magnet suatu sistem yang ditentukan oleh saling tindakan sistem tersebut dengan medan luar yang lemah.

**momen dwikutub (*Ig. dipole moment; Id. momen dwikutub*)**

*lih. momen dwikutub elektrik; momen dwikutub magnet.*

**momen dwikutub elektrik (*Ig. electric dipole moment; Id. momen dwikutub elektrik*)**

Hasil darab nilai salah satu daripada cas **dwikutub elektrik** dengan jarak antara cas-cas. momen dwikutub.

**momen elektromagnet (*Ig. electromagnetic moment; Id. momen elektromagnetik*)**

**Momen magnet** gegelung yang membawa arus. Momen ini sama dengan hasil darab arus dengan bilangan lilitan dan luas gegelung.

**momen dwikutub magnet (*Ig. magnetic dipole moment; Id. momen dwikutub elektrik*)**

*lih. momen magnet.*

**momen magnet (*Ig. magnetic moment; Id. momen magnet*)**

Kuantiti vektor yang berhubung dengan magnet, gelung arus atau zarah. Darab silang kuantiti vektor ini dengan arahan magnet adalah sama dengan tork yang dikenakan kepada sesuatu sistem oleh medan

**momentum elektromagnet**

**multimeter**

**magnet. momen dwikutub magnet, momen dwikutub.**

**momentum elektromagnet** (*Ig. electromagnetic momentum; Id. momentum elektromagnet*)

Momentum yang dipindahkan oleh **sinaran elektromagnet** dan ketumpatan isipadu momentum tersebut sama dengan **vektor Poynting** dibahagi dengan halaju cahaya kuasa dua.

**MOSFET** (*Ig. MOSFET (metal oxide semiconductor field effect transistor)*)

**Transistor kesan medan** yang getnya ditebat oleh lapisan tipis silikon dioksida daripada substrat **semikonduktor**.

**motor** (*Ig. motor; Id. motor*)

lih. **motor elektrik**

**motor aruhan** (*Ig. induction motor; Id. motor imbasan*)

**Motor** arus ulang-alik yang belitan primer pada **stator** disambungkan kepada sumber kuasa dan belitan sekunder pada **rotor** pula membawa arus yang teraruh oleh medan magnet primer.

**motor elektrik** (*Ig. electric motor; Id. motor elektrik*)

Mesin yang menukar tenaga elektrik kepada tenaga mekanik dengan menggunakan daya yang dihasilkan oleh **medan magnet** pada pengkonduksi yang membawa arus. **motor**.

**multimeter** (*Ig. multimeter; Id. multimeter*)

Alat untuk mengukur voltan, arus dan rintangan. Alat ini mempunyai pelbagai julat pengukuran.

# N

**neraca ampere** (*Ig. ampere balance; Id. neraca ampere*)  
lih. neraca arus.

**neraca arus** (*Ig. current balance; Id. neraca arus*)

Alat untuk mengukur daya antara **pengkonduksi** yang membawa arus untuk menentukan nilai **ampere**. neraca ampere.

**nisbah aspek** (*Ig. aspect ratio; Id. nisbah aspek*)

1 Nisbah lebar dengan tinggi gambar televisyen. (Kebanyakan negeri menggunakan nisbah 4:3).

2 Nisbah lebar dengan panjang saluran dalam **MOSFET** (Metal Oxide Field Effect Transistor)

**nisbah gelombang pegun voltan** (*Ig. voltage standing wave ratio; Id. nisbah gelombang tegak tegangan*)

Nisbah antara nilai maksimum dan nilai minimum gelombang pegun terutamanya pada **talian penghantaran** atau dalam **pemandu gelombang**.

**nisbah giromagnet** (*Ig. gyromagnetic ratio; Id. nisbah giromagnet*)

1 Nisbah momen dwikutub magnet dengan momentum sudut dalam sistem fizik klasik, atom atau nukleus.

2 Kadangkala nisbah ini merupakan salingan kepada kuantiti dalam takrifan 1.

**nomor gelombang** (*Ig. wave number; Id. bilangan gelombang*)

Salingan jarak gelombang bagi suatu gelombang. Kadangkala nilai ini bersamaan dengan 2 dibahagi dengan jarak gelombang.

**nyahcas bara** (*Ig. glow discharge; Id. lucutan kilap*)

Nyahcas elektrik yang melalui gas pada tekanan rendah di dalam tiub elektron.

**nyahcas berus** (*Ig. brush discharge; Id. lucutan sikat*)

## **nyahcas elektrik**

Nyahcas elektrik berluminositi yang terjadi pada **pengkonduksi** apabila keupayaannya melebihi suatu nilai tertentu.

### **nyahcas elektrik (*Ig. electric discharge; Id. lucutan elektrik*)**

- 1 Proses membuang cas daripada bateri, kapasitor atau peranti yang menyimpan tenaga elektrik.
- 2 Fenomenon (kilauan, arka elektrik, spark atau kaca) yang berlaku apabila arus elektrik melalui gas.

# O

## **ohm (Ig. ohm; Id. ohm)**

Unit rintangan elektrik dalam sistem unit meter-kilogram saat yang sama dengan rintangan apabila arus 1 ampere mengalir melalui beza keupayaan 1 volt. Simbol:  $\Omega$

## **ohmmeter (Ig. ohmmeter; Id. ohmmeter)**

Alat untuk mengukur rintangan elektrik dalam skala ohm atau megohm.

## **osiloskop (Ig. oscilloscope; Id. osiloskop)**

Alat yang menggunakan tiub sinar katod untuk memperlihatkan nilai seketika dan bentuk gelombang kuantiti elektrik yang berubah dengan cepat pada skrin pendarfluornya.

# P

**pemalar dielektrik** (*Ig. dielectric constant; Id. tetapan dielektrik*)

Nisbah kapasitans kapasitor yang dimampat oleh bahan dielektrik dengan kapasitan kapasitor yang sama apabila dielektriknya adalah ·vakum.

**pemandu gelombang** (*Ig. wave guide; Id. pandu gelombang*)

Tiub logam yang boleh mengekang atau memandu rambatan **gelombang elektromagnet** mengikut arah memanjang tiub tersebut.

**penebat elektrik** (*Ig. electrical insulator; Id. sekatan elektris*)

Bahan yang mempunyai kerintangan elektrik yang tinggi, sesuai untuk memisah **pengkonduksi-pengkonduksi** yang bersebelahan di dalam litar elektrik atau untuk menghalang kemungkinan berlakunya sentuhan antara **pengkonduksi-pengkonduksi**.

**pengayun Gunn** (*Ig. Gunn oscillator; Id. oscillator Gunn*)


Pengayun mikro gelombang yang menggunakan **kesan Gunn**.

**pengayun hablur** (*Ig. crystal oscillator; Id. osilator hablur*)

Suatu pengayun yang frekuensi keluaran arus ulang-alik ditentukan oleh sifat-sifat mekanik bagi suatu **hablur piezoelektrik**.

**pengayun Hartley** (*Ig. Hartley oscillator; Id. osilator Hartley*)

Pengayun tiub vakum yang mempunyai litar tangki tertala selari yang disambungkan antara grid dan anod tiub vakum itu.



Pengayun Hartley

**pengayun Hertz**

**pengganding berarah**

**pengayun Hertz (Ig. Hertz oscillator; Id. osilator Hertz)**

1 Penjana sinaran dwikutub elektrik yang terdiri daripada dua kapasitor yang disambung oleh batang pengkonduksi yang mempunyai jurang spark yang kecil.

2 Pengkonduksi yang berbentuk dumbbell. Elektron-elektron di dalam pengkonduksi itu berayun daripada suatu hujung pengkonduksi tersebut ke hujung yang lain dan mengeluarkan sinaran dwikutub elektrik.

3 Alat ujian yang menjana voltan frekuensi radio yang frekuensinya berubah secara ulang-alik dan deras dan pada kadar yang mantap melalui julat frekuensi tertentu.

**pengayun sapuan (Ig. sweep oscillator)**

**Litar** elektronik yang menjana voltan atau arus yang biasanya berulang, sebagai fungsi tertentu bagi masa. Bentuk gelombang yang terhasil digunakan sebagai asas masa untuk dikenakan kepada sistem pesongan peranti alur elektron seperti tiub sinar katod.

**pengecil (Ig. attenuator; Id. atenuator)**

**Transduser** tetap atau boleh laras untuk menurunkan amplitud gelombang tanpa menghasilkan herotan yang ketara.

**pengecilan (Ig. attenuation; Id. atenuasi)**

Penurunan kuantiti arus, voltan atau kuasa sepanjang lintasan aliran tenaga pada sesuatu litar elektrik.

**pengelektroendapan (Ig. electrodeposition; Id. pengelektroendapan)**

Proses **elektrolisis** yang menyebabkan berlakunya pengendapan logam pada **katod** daripada larutan ion-ionnya dan proses ini termasuk sadur elektrik dan pengelektrobentukan.

**pengesan (Ig. detector; Id. detektor)**

Tahap berlakunya penyahmodulasian di dalam alat terima.

**penggabungan semula/gabungan semula (Ig. recombination; Id. padu lagian; rekombinasi)**

Gabungan dan peneutralan paduan zarah-zarah atau objek yang mempunyai cas berlainan seperti lohong dan elektron atau ion positif dan ion negatif.

**pengganding berarah (Ig. directional coupler; sambatan berarah)**

Peranti yang menggandingkan sistem sekunder sahaja kepada


## penggetar berbilang

## pengikut katod

gelombang yang menjalar pada arah tertentu dalam sistem penghantaran primer dengan mengabaikan sama sekali gelombang yang menjalar pada arah yang berlawanan.

### penggetar berbilang (*Ig. multivibrator; Id. multivibrator*)

Suatu pengayun santai yang menggunakan dua tiub, iaitu *transistor* atau peranti-peranti elektron yang lain. Keluaran setiap tiub digandingkan kepada masukan tiub yang lain menerusi unsur-unsur rintangan kapasitans atau unsur-unsur lain untuk mendapatkan voltan suap balik sefasa.



Litar penggetar berbilang dwistabil

### penggugusan (*Ig. bunching; Id. penggugusan*)

Aliran elektron daripada **katod** ke **anod** pada tiub halaju-bermodulasi. Aliran tersebut berupa gugusan elektron dan tidak sebagai strim selanjar.


### pengikut katod (*Ig. cathode follower, Id. pengikut katode*)

Litar yang terdiri daripada tiub vakum yang grid kawalan dan bumi

## pengkonduksi

## pengutuban elektrik

untuk sambungan isyarat masukan, dan **katod** dan bumi untuk sambungan beban amplifier bumi-anod.



Pengikut katod

### pengkonduksi (*Ig. conductor; Id. konduktor*)

Dawai, kabel atau jasad lain atau medium yang sesuai untuk membawa arus elektrik.

### pengkonduksi terbumi (*Ig. grounding conductor; Id. penghantar terbumi*)

Susun atur pengkonduksi elektrik yang saling berhubung pada keupayaan seragam dan sambungan elektrik boleh dibuat untuk tujuan membumikan.

### pengutuban (*Ig. polarization; Id. pengutuban; polarisasi*)

lih. pengutuban elektrik.

### pengutuban elektrik (*Ig. electric polarization; Id. pengkutuban elektrik*)

1 Proses menghasilkan sesaran relatif bagi cas-cas terikat positif atau cas terikat negatif di dalam suatu jasad dengan cara mengenakan medan elektrik.

**pengutuban magnet**

**penjana kuasa termoelektrik**

2 Kuantiti vektor yang sama dengan momen dwikutub elektrik per unit isipadu sesuatu bahan. **pengutuban**.

3 Perubahan kimia yang berlaku di dalam sel-sel kering semasa sel itu digunakan.

**pengutuban magnet** (*Ig. magnetic polarization; Id. polarisasi magnetik*)

Perbezaan vektor antara ketumpatan **fluks magnet** pada suatu titik tertentu dengan ketumpatan fluks magnet yang wujud pada titik tersebut apabila titik berada di dalam vakum pada kekuatan **medan magnet** yang sama.

**pengulang alik** (*Ig. alternator; Id. alternator*)

Peranti mekanik, elektrik atau elektromekanik yang membekalkan arus ulang-alik.

**pengumpul** (*Ig. collector; Id. pengumpul*)

- 1 Elektrod yang mengumpul elektron atau ion, contohnya grid tabir.
- 2 Bahagian luar **transistor** yang menghantar aliran pembawa primer.

**penjana** (*Ig. generator; Id. penjana*)

1 Mesin yang menukar tenaga mekanik kepada tenaga elektrik yang biasanya diperbuat daripada banyak pengkonduksi yang dilekapkan pada **angker** yang berputar di dalam medan magnet yang dihasilkan oleh gegelung. **janakuasa elektrik**.

2 Pengayun tiub vakum atau apa jua peranti yang tidak berputar yang boleh menjana voltan ulang-alik pada frekuensi yang diperlukan apabila peranti tersebut dibekalkan tenaga oleh kuasa arus terus atau kuasa arus ulang-alik pada frekuensi rendah.

3 Litar yang menjana bentuk gelombang yang diperlukan sama ada berulang atau tak berulang seperti penjana denyutan.

**penjana elektrostatik** (*Ig. electrostatic generator; Id. generator elektrostatik*)

Mesin yang menghasilkan cas-cas elektrik dengan cara geseran atau aruhan elektrostatik.

**penjana kuasa termoelektrik** (*Ig. thermoelectric power generator; Id. penjana daya termoelektrik*)

Peranti yang menukar tenaga haba secara terus kepada tenaga elektrik dengan menggunakan **kesan Seebeck**; ia terdiri daripada sekurang-kurangnya dua bahan yang berlainan dengan satu cantuman ber-


## penjana Van de Graaf

## penstabilan

sentuhan dengan sumber haba dan cantuman yang lain bersentuhan dengan sinki haba.

penjana Van de Graaf (*Ig. Van de Graaf generator; Id. pembangkit Van de Graaf; penjana Van de Graaf*)

**Penjana elektrostatik** voltan tinggi yang cas elektriknya di bawa dari bumi kepada terminal voltan tinggi oleh sabuk penebat dan dinyahcas kepada elektrod logam lompong yang besar.



Penjana Van de Graaf

## penstabilan (*Ig. stabilization; Id. stabilisasi*)


- 1 Suap balik yang berlaku di dalam tiub vakum atau dalam tahap amplifier transistor untuk mengurangkan herotan dengan cara amplifikasi tidak bersandar kepada voltan-voltan **elektrod** dan pemalar tiub.
- 2 Perlakuan bahan magnet untuk memperbaik ketabilan sifat-sifat magnetnya.

## **pentod**

## **penukar tertib/komutator**

### **pentod (*Ig. pentode; Id. pentode*)**

Tiub elektron lima elektrod yang terdiri daripada **anod**, **katod**, elektrod kawalan dan dua elektrod tambahan yang berupa grid biasa.




**Simbol litar pentod.** Kelima-lima elektrod ditunjukkan oleh nombor. X adalah penyambung.

### **penukar tertib/komutator (*Ig. commutator; Id. komutator*)**

Bahagian motor arus terus atau janakuasa yang mempunyai dua fungsii:

- Apabila bergabung dengan berus akan bertindak sebagai penyambung elektrik antara lilitan **angker** yang berputar dengan terminal-terminal pegun.

- Bertindak untuk membalikkan arus lilitan **angker**.



**Penukar tertib/komutator**

**penyahmagnetan**

**persamaan London**

**penyahmagnetan** (*Ig. demagnetization; Id. pengawamagnetan*)

- 1 Proses untuk mengurangkan atau membuang kemagnetan **bahan feromagnet**.
- 2 Pengurangan aruhan magnet oleh medan dalam suatu **magnet**.

**penyahmodulasian** (*Ig. demodulation; Id. demodulasi*)

Proses untuk mendapatkan kembali gelombang modulasi daripada gelombang pembawa bermodulasi.

**penyinar isotrop** (*Ig. isotropic radiator; Id. penyinar isotrop*)

Sumber tenaga yang menyinar secara seragam pada semua arah.

**perintang** (*Ig. resistor; Id. penghambat; resistor*)

Peranti yang (direkabentuk supaya) mempunyai jumlah rintangan tertentu yang digunakan di dalam litar untuk mengehad aliran arus atau menyelenggara penurunan voltan.

**perisai elektrostatik** (*Ig. electrostatic shield; Id. tamengan elektrostatik*)

- 1 Perisai pengkonduksi yang mengelilingi alat atau peranti supaya alat atau peranti tersebut terhalang daripada pengaruh medan elektrik luar.
- 2 Plat pengkonduksi yang bersambung ke bumi yang terletak antara dua litar untuk menghalang gandingan **kapasitans** yang tidak diperlukan antara kedua-duanya.

**perisaian** (*Ig. shielding; Id. tamengan*)

Apa jua cara untuk mengelakkan petikan isyarat atau hinggar yang tidak diingini, menindas sinaran isyarat yang tidak diingini atau mengurung isyarat yang dikehendaki ke kawasan atau lintasan yang diingini sahaja seperti dalam perisaian elektrostatik atau elektromagnet.

**permukaan Gauss** (*Ig. Gaussian surface; Id. permukaan Gauss*)

*lih. hukum Gauss.*

**permukaan sekeupayaan** (*Ig. equipotential surface; Id. permukaan ekui-potensial*)

Permukaan yang keupayaan elektriknya sama pada setiap titik.

• **persamaan London** (*Ig. London equation; Id. persamaan London*)

Persamaan terbitan masa dan keikalan arus pada semikonduktor dalam

sebutan vektor **medan elektrik** dan **medan magnet**. Persamaan tersebut diterbitkan daripada teori kesuperkonduksian London.

**persamaan Poisson** (*Ig. Poisson's equation; Id. persamaan Poisson*)

Persamaan pembezaan separa yang menyatakan Laplacean suatu fungsi yang tidak diketahui sama dengan suatu fungsi yang diberi, dan boleh dirumuskan sebagai:

$$\nabla^2 v = - \frac{\rho}{\epsilon_0}$$

$\nabla^2$  = Laplacean,  $V$  = keupayaan,  $\rho$ , = ketumpatan cas dan  $\epsilon_0$  = kelulusan vakum

**petua tangan kanan** (*Ig. right-hand rule; Id. kaedah tangan kanan*)

1 Petua yang menyatakan bahawa bagi dawai yang membawa arus, sekiranya jari tangan kanan mengelilingi dawai dan ibu jari menunjukkan arah arus maka jari-jari akan menunjukkan arah medan magnet yang di hasilkan oleh dawai tersebut.

2 Petua yang menyatakan bahawa bagi dawai yang bergerak dalam medan magnet seperti dawai pada angker janakuasa, sekiranya ibu jari serta jari telunjuk dan jari tengah tangan kanan bersudut tegak antara satu dengan lain, maka ibu jari akan menunjukkan arah gerakan dawai, jari telunjuk menunjukkan arah garis daya magnet dan jari tengah menunjukkan arah arus teraruh yang wujud disebabkan oleh gerakan dawai dalam **medan magnet** tersebut.

**petua tangan kiri** (*Ig. left-hand rule; Id. kaedah tangan kiri*)

1 Petua yang menyatakan bahawa bagi dawai yang membawa arus, apabila jari tangan kiri berada di sekeliling dawai, ibu jari menghala pada arah aliran elektron, maka jari-jari tersebut akan menghala pada arah **medan magnet** yang dikeluarkan oleh dawai.

2 Bagi dawai membawa arus yang berada di dalam **medan magnet**, seperti dawai pada angker suatu motor, apabila ibu jari, jari telunjuk dan jari tengah mengarah keluar dan bersudut tegak antara satu dengan lain, maka jari telunjuk akan menunjukkan arah garis-garis daya magnet, jari tengah menunjukkan arah aliran arus dan ibu jari menunjukkan arah daya pada dawai.

**pikofarad** (*Ig. picofarad; Id. pikofarad*)

Unit kapasitans yang sama dengan  $10^{-12}$  farad atau  $10^{-6}$  mikrofarad dan juga disebut mikromikrofarad.

**pincangan grid****prinsip kedualan****pincangan grid (*Ig. grid bias; Id. prasikap kisi*)**

Voltan arus terus yang dikenakan antara grid kawalan dan katod pada tiub elektron untuk menubuhkan titik pengoperasian yang diperlukan.

**plasma (*Ig. plasma; Id. plasma*)**

- 1 Gas terion lampau yang mengandungi bilangan ion dan elektron yang ketumpatannya mencukupi supaya panjang perisaian Debye adalah lebih kecil daripada dimensi gas.
- 2 Gas terion lengkap yang keseluruhannya terdiri daripada bilangan yang hampir sama cas-cas bebas positif dan negatif (ion positif dan elektron).

**pola antena (*Ig. antenna pattern; Id. pola antena*)**

Pola persandaran sinaran antena kepada sesuatu arah.

**pola Bitter (*Ig. Bitter pattern; Id. pola Bitter*)**

Pola yang dihasilkan apabila suatu titisan koloid yang mengandungi zarah feromagnet berkoloid diletakkan di permukaan hablur feromagnet. Zarah-zarah tersebut akan berkumpul di sepanjang sempadan domain permukaan.

**prinsip kedualan (*Ig. duality principle; Id. prinsip dualitas*)**

- 1 Prinsip yang menyatakan bahawa bagi apa jua teorem dalam analisis litar elektrik, ada teorem kedualan yang boleh menggantikan kuantiti lain dengan kuantiti kedualan seperti arus dan voltan, impedans dan admitans, jaring dan nod.
- 2 Prinsip yang menyatakan bahawa analogi boleh diambil antara suatu litar transistor dengan litar tiub vakum yang sepadan.
- 3 Prinsip yang menyatakan bahawa penyelesaian persamaan Maxwell yang baharu boleh diperolehi daripada penyelesaian yang sedia ada dengan menggantikan keamatan medan elektrik  $E$  dengan keamatan medan magnet  $H$ ,  $H$  dengan  $-E$ , ketulusan  $\epsilon$  dengan ketelapan  $\mu$  dan  $\mu$  dengan  $\epsilon$ .

# R

**radar** (*Ig. radar; Id. radar*)

Sistem yang menggunakan tenaga frekuensi radio teralur dan terpantul untuk mengesan dan menentukan kedudukan objek, mengukur jarak atau altitud, mengemudi, menuju, mengebom dan lain-lain.

**rangkaian** (*Ig. network; Id. jejala*)

Kumpulan unsur elektrik seperti perintang, gegelung, **kapasitor** dan sumber tenaga yang bersambung kesemuanya untuk membentuk beberapa litar yang saling berhubung.

**rangkaian H** (*Ig. H network; Id. jejala H*)

**Rangkaian** pengecilan yang terdiri daripada lima cabang berbentuk huruf H.

**rangkaian L** (*Ig. L network; Id. jejala L*)

**Rangkaian** terdiri daripada dua cabang bersiri dengan hujung bebas disambung kepada sepasang terminal dan titik simpangan serta satu hujung bebas lain disambung kepada sepasang terminal lain.

**rangkaian pi** (*Ig. pi network; Id. jejala pi*)

**Rangkaian** elektrik yang mempunyai tiga cabang impedans yang bersambung secara siri dan membentuk litar tertutup. Ketiga-tiga titik simpangan ini membentuk terminal keluaran, terminal masukan dan terminal keluaran dan masukan sepunya.

**rangkaian T** (*Ig. T network; Id. jejala T*)

**Rangkaian** terdiri daripada tiga cabang dengan satu hujung pada setiap cabang disambung kepada satu titik simpangan sepunya dan ketiga-tiga hujung yang tinggal masing-masing disambungkan kepada terminal masukan, terminal keluaran dan terminal masukan dan keluaran sepunya.

**rangkaian tangga** (*Ig. ladder network; Id. jejala tangga*)

**reaktans**

**resonans caturkutub nukleus**

**Rangkaian** terdiri daripada jujukan **rangkaian H**, **rangkaian L**, **rangkaian T** atau **rangkaian pi** yang disambung secara tandem (beriringan) dan digunakan terutamanya sebagai turas elektrik.

**reaktans (Ig. reactance; Id. reaktans)**

Bahagian khayalan kompleks **impedans** suatu litar arus ulang-alik.

**regangan elektrik (Ig. electrostriction; Id. elektrostriksi)**

Perubahan pada dimensi bahan dielektrik apabila dikenakan **medan elektrik**.

**rektifier (Ig. rectifier; Id. penyearah)**

Komponen litar tak linear yang membenarkan arus untuk mengalir lebih pada satu arah berbanding dengan arah yang lain. Secara unggul komponen tersebut membenarkan arus mengalir pada satu arah tanpa halangan tetapi tidak membenarkan arus untuk mengalir pada arah yang berlawanan.

**rentanan (Ig. suseptance; Id. rentanan; suseptans)**

Komponen khayalan bagi **admitans**.

**reostat (Ig. rheostat; Id. reostat)**

Perintang yang direkabentuk supaya nilai rintangannya boleh diubah tanpa mengganggu litar yang bersambung dengan perintang tersebut.

**resonans (Ig. resonance; Id. resonans)**

1 Fenomenon yang dipamerkan oleh litar arus ulang-alik apabila wujud arus yang besar secara relatif berhampiran dengan frekuensi-frekuensi tertentu dan ayunan yang tak terhalang secara relatif bagi tenaga daripada bentuk tenaga keupayaan kepada tenaga kinetik.

2 Fenomenon yang dipamerkan oleh sistem fizik yang dikenakan daya penggerak luar secara berkala dan amplitud ayunan yang terhasil menjadi besar apabila frekuensi daya penggerak menghampiri frekuensi ayunan bebas asli sistem tersebut.

**resonans caturkutub nukleus (Ig. nuclear quadrupole resonance; Id. resonans caturkutub inti)**

Fenomenon nukleus tertentu menyerap tenaga daripada medan radio-frekuensi apabila nukleus-nukleus tersebut berada dalam medan elektrik statik tak homogen.

**resonans ferimagnet****resonator rongga**

**resonans ferimagnet** (*Ig. ferrimagnetic resonance; Id. resonans ferimagnetik*)

**Resonans magnet** bagi bahan ferimagnet.

**resonans feromagnet** (*Ig. ferromagnetic resonance; Id. resonans feromagnetik*)

**Resonans magnet** bagi bahan feromagnet.

**resonans magnet** (*Ig. magnetic resonance; Id. talunan magnetik*)

Fenomenon yang dipamerkan oleh sistem spin magnet atom tertentu. Sistem spin tersebut menyerap tenaga pada frekuensi-frekuensi resonan tertentu apabila dikenakan **medan magnet** yang berulang-alik pada frekuensi-frekuensi yang bersinkronisasi dengan frekuensi tabii sistem.

**resonans paramagnet** (*Ig. paramagnetic resonance; Id. resonans paramagnetik*)

**Resonans magnet** yang terhasil daripada momen magnet elektron tak berpasang di dalam **bahan paramagnet** atau terhasil di pusat paramagnet di dalam bahan diamagnet.

**resonans selari** (*Ig. parallel resonance; Id. talunan sejajar*).

lih. antiresonans.

**resonator** (*Ig. resonator; Id. penalan; resonator*)

lih. alat resonans.

**resonator akustik** (*Ig. acoustic resonator; Id. resonator akustik*)

Peranti berupa kurungan yang dapat menghasilkan resonans gelombang bunyi pada frekuensi tertentu. alat resonans akustik.

**resonator Helmholtz** (*Ig. Helmholtz resonator; Id. resonator Helmholtz*)

Kurungan yang mempunyai bukaan kecil terdiri daripada suatu tiub lurus yang berdimensi tertentu supaya kurungan tersebut berresonans pada satu frekuensi yang ditentukan oleh geometri resonator tersebut. alat resonans Helmholtz.

**resonator rongga** (*Ig. cavity resonator; Id. resonator rongga*)

Ruang yang dikurung oleh pengkonduksi logam yang diuja supaya menjadi sumber ayunan elektromagnet. alat resonans rongga. rongga resonan.

**rintangan**

**rotor**

**rintangan** (*Ig. resistance; Id. hambatan*)

lih. **rintangan elektrik**.

**rintangan berkesan** (*Ig. effective resistance; Id. hambatan efektif*)

Rintangan keseluruhan yang diberikan oleh sesuatu peranti termasuk rintangan arus terus dan rintangan disebabkan oleh arus pusat, **histeresis dielektrik** dan kehilangan korona.

**rintangan dalam** (*Ig. internal resistance; Id. hambatan dakhil*)

Rintangan di dalam sesuatu sumber voltan seperti sel elektrik atau janakuasa.

**rintangan elektrik** (*Ig. electrical resistance; Id. hambatan elektrik*)

Tentangan sesuatu peranti atau bahan terhadap aliran arus terus dan nilainya sama dengan penurunan voltan merentasi sesuatu unsur bahan dibahagi dengan arus yang melalui unsur tersebut. **rintangan**.

**rintangan magnet** (*Ig. magnetoresistance; Id. magnetohambatan*)

Perubahan **rintangan elektrik** yang dihasilkan di dalam **semikonduktor** atau **pengkonduksi** membawa arus apabila dikenakan medan magnet.

**rintangan setara** (*Ig. equivalent resistance; Id. hambatan setara*)

Rintangan tertumpu yang boleh menyebabkan kehilangan kuasa yang sama dengan nilai-nilai rintangan kecil sebenar yang bertaburan di dalam suatu litar.

**rintangan sinaran** (*Ig. radiation resistance; Id. hambatan penyinaran*)

Rintangan yang ditakrifkan sebagai kuasa tersinar keseluruhan bagi suatu antena dibahagi dengan arus antena berkesan kuasa dua yang diukur pada titik bekalan kuasa kepada antena tersebut.

**rintangan tentu** (*Ig. specific resistance; Id. hambatan jenis/hambatan spesifik*)

spesifik)

lih. **kerintangan**.

**rongga resonan** (*Ig. resonant cavity; Id. rongga talun*)

lih. **resonator rongga**.

**rotor** (*Ig. rotor; Id. rotor, pendar*)

Bahagian yang berputar pada mesin elektrik atau peranti seperti **angker**

**runtuh**

yang berputar bagi motor atau janakuasa, atau plat-plat yang berputar bagi **kapasitor boleh ubah**.

**runtuh** (*Ig. breakdown; Id. dadalan*)

Keadaan wujudnya **arus elektrik** yang besar dan biasanya meningkat secara mendadak dengan penambahan kecil voltan. Keadaan tersebut boleh berlaku antara dua **elektrod** di dalam gas terkurung, tiub gas, atmosfera (sebagai kilat), penebat elektrik dan **diod semikonduktor** yang pincang songsang.

# S

**sadur elektrik** (*Ig. electroplating; Id. sadur elektrik*)

Proses menyadur logam atau aloi daripada larutan elektrolit yang sesuai. Benda yang perlu disadur mestilah dijadikan sebagai **katod** di dalam larutan elektrolit. Arus terus dialirkkan dari **anod** (logam penyadur) ke **katod** melalui **elektrolit**.

**saling tindakan elektromagnet** (*Ig. electromagnetic interaction; Id. saling tidak elektromagnetik*)

Saling tindakan zarah-zarah keunsuran yang terhasil daripada gandingan cas dengan **medan elektromagnet**.

**sambungan bintang** (*Ig. star connection; Id. hubungan bintang*)

Set sambungan berbentuk Y terdiri daripada tiga atau lebih **cabang** dengan satu terminal bagi setiap cabang bersambung pada nod sepunya.

**sambungan siri** (*Ig. series connection; Id. hubungan seri*)

Sambungan yang membentuk suatu **litar siri**.

**sambungan-Y** (*Ig. Y-connection; Id. hubungan-Y*)

Rangkaian berbentuk bintang dan mempunyai tiga **cabang** sahaja.

**sambutan frekuensi** (*Ig. frequency response; Id. tanggapan frekuensi*)

Ukuran keberkesanan sesuatu litar, peranti atau sistem untuk memancarkan frekuensi-frekuensi yang berbeza. Ukuran tersebut adalah suatu **fasor** yang magnitudnya adalah nisbah magnitud isyarat keluaran dengan gelombang sinus masukan.

**sangkar Faraday** (*Ig. Faraday cage; Id. sangkar Faraday*)

Perisai elektrostatik yang dibentuk daripada jaringan dawai atau dawai selari yang hujungnya bersambung dengan **pengkonduksi** yang dibumikan.

santaian dielektrik

sel elektrik

**santaian dielektrik (Ig. dielectric relaxation; Id. relaksasi dielektrik)**

Masa yang diperlukan untuk kumpulan dwikutub di dalam dielektrik menjadi seimbang dengan **medan elektrik**.

**sawar Schottky (Ig. Schottky barrier)**

Kawasan peralihan yang terbentuk di dalam permukaan **semikonduktor** untuk bertindak sebagai sawar perekfifikasi pada cantuman permukaan **semikonduktor** dengan lapisan logam.

**sel (Ig. cell; Id. sel)**

Bekas yang mengandungi larutan elektrolit dan dua **elektrod** logam untuk menghasilkan **arus elektrik** atau untuk proses **elektrolisis**.

**sel bahan api (Ig. fuel cell; Id. sel bahan bakar)**

**Sel** yang tenaga kimianya ditukar terus kepada tenaga elektrik, dan kuasa elektrik akan terhasil akibat tindak balas kimia antara **elektrolit** dan bahan api seperti minyak tanah atau gas bahan api industri.

**sel basah (Ig. wet cell; Id. sel basah)**

**Sel** primer yang mempunyai sejumlah besar **elektrolit** bebas dalam bentuk cecair.

**sel Bunsen (Ig. Bunsen cell; Id. sel Bunsen)**

**Sel** primer yang kutub negatifnya berupa batang zink ber amalgam yang direndamkan di dalam asid sulfur di dalam bekas berliang. Kutub positifnya pula berupa suatu plat karbon keras yang direndamkan di dalam asid nitrat yang bertindak sebagai penyahkutub.

**sel Daniell (Ig. Daniell cell; Id. sel Daniell)**

**Sel** primer yang mempunyai **daya gerak elektrik** malar bernilai 1.1 volt dengan **elektrod** tembaga di dalam larutan kuprum sulfat dan elektrod zink dalam asid sulfurik cair atau zink sulfat. Kedua-dua larutan tersebut diasingkan oleh pemetaikan berliang atau oleh graviti.

**sel Edison (Ig. Edison cell; Id. sel Edison)**

Bateri penyimpan yang terdiri daripada sel-sel yang mempunyai nikel dan besi di dalam larutan alkali. akumulator nikel-besi, akumulator Edison, bateri Edison.

**sel elektrik (Ig. electric cell; Id. sel elektrik)**

1 Unit tunggal bateri primer atau sekunder yang menukar tenaga

## sel elektrolitik

## sel Leclanche

kimia kepada tenaga elektrik.


2 Unit tunggal peranti yang menukar tenaga sinaran kepada tenaga elektrik seperti sel nuklear, suria atau fotovolta.

### sel elektrolitik (*Ig. electrolytic cell; Id. sel elektrolitik*)

*Sel* yang terdiri daripada **elektrod** yang direndamkan di dalam larutan elektrolit dan digunakan dalam **elektrolisis**.

### sel fotovolta (*Ig. photovoltaic cell; Id. sel fotovoltaik*)

*Sel* yang mengesan atau mengukur **sinaran elektromagnet** dengan menjana keupayaan pada cantuman (lapisan sawar) antara dua jenis bahan setelah berlaku penyerapan tenaga sinaran.



*Sel fotovolta* dengan plat logam biasanya daripada besi dan saput logam yang biasanya daripada emas atau platinum.

### sel galvani (*Ig. galvanic cell; Id. sel galvani*)

*Sel elektrolitik* yang boleh mengeluarkan tenaga elektrik melalui tinjakan elektrokimia.

### sel kadmium (*Ig. cadmium cell; Id. sel kadmium*)

*Sel* piawai yang digunakan sebagai rujukan voltan; pada 20°C voltananya 1.0186 volt.

### sel kering (*Ig. dry cell; Id. sel kering*)

*Sel* penjana voltan yang mempunyai **elektrolit** yang tidak bergerak.

### sel Leclanche (*Ig. Leclanche cell; Id. sel Leclanche*)

## **sel penyimpan**

## **semikonduktor ekstrinsik**

**Sel** kering biasa ialah sel primer yang mempunyai **elektrod** positifnya karbon dan **elektrod** negatifnya zink di dalam **elektrolit** yang mengandungi sal ammonia dan penyahkutub.

### **sel penyimpan (Ig. storage cell; Id. sel simpan)**

**Sel elektrolitik** untuk menjana tenaga elektrik. Setelah nyahcas, sel tersebut boleh dipulihkan kepada keadaan beras dengan melalukan arus pada arah berlawanan dengan arus nyahcas.

### **sel piawai (Ig. standard cell; Id. sel standard)**

**Sel primer** yang voltannya diketahui secara jitu dan cukup malar untuk tujuan tentu ukur alat-alat, contohnya sel piawai Weston yang mempunyai voltan 1.018636 volt pada suhu 20°C.

### **sel primer (Ig. primary cell; Id. sel primer)**

**Sel** yang boleh mengeluarkan arus elektrik melalui tindak balas elektrokimia yang tidak begitu cekap untuk berlindak balas secara berbalik. Sel tersebut tidak boleh dicas semula dengan cekap.

### **sel raksa (Ig. mercury cell; Id. sel raksa)**

**Sel** kering primer yang pada hakikatnya boleh memberi voltan keluaran yang malar sepanjang usianya melalui tindak balas kimia antara zink dan oksida raksa.

### **sel selenium (Ig. selenium cell; Id. sel selenium)**

**Sel** fotokonduksian yang menggunakan saput tipis selenium antara elektrod-elektrod yang sesuai. Rintangan sel tersebut akan berkurangan apabila pencahayaan bertambah.

### **sel volta (Ig. voltaic cell; Id. sel volta)**

**Sel** primer yang terdiri daripada dua **elektrod** logam yang berlainan di dalam larutan. Larutan ini bertindak secara kimia pada satu atau kedua-dua **elektrod** logam untuk mengeluarkan voltan.

### **semikonduktor (Ig. semiconductor; Id. semipenghantar)**

Bahan berhablur pepejal yang **kekonduksian elektriknya** di antara logam dan penebat, berjulat lebih kurang  $10^5$  hingga  $10^{-7}$  mho per meter dan biasanya sangat bergantung kepada suhu.

### **semikonduktor ekstrinsik (Ig. extrinsic semiconductor; Id. semikonduktor ekstrinsik)**

## **semikonduktor intrinsik**

## **siklotron**

**Semikonduktor** yang sifat elektriknya bergantung kepada bendasing yang ditambah kepada hablur **semikonduktor** tersebut.

### **semikonduktor intrinsik (Ig. intrinsic semiconductor; Id. semikonduktor intrinsik)**

**Semikonduktor** yang kepekatan pembawa-pembawa cas adalah ciri bahan itu sendiri dan bukan ciri kandungan bendasing dan ciri kecacatan struktur hablur tersebut.

### **semikonduktor jenis-n (Ig. n-type semiconductor; Id. semikonduktor tipe-n)**

**Semikonduktor ekstrinsik** yang ketumpatan elektron konduksi melebihi ketumpatan **lohong**.

### **semikonduktor jenis-p (Ig. p-type semiconductor; Id. semikonduktor tipe-p)**

**Semikonduktor ekstrinsik** yang ketumpatan **lohongnya** melebihi ketumpatan **elektron konduksi**.

### **senapang elektron (Ig. electron gun; Id. senapang elektron)**

Struktur seperti **elektrod** yang mengeluarkan alur elektron dan boleh mengawal, memfokus, memesong serta menumpu satu atau lebih alur tersebut di dalam tiub elektron.

### **serakan Rayleigh (Ig. Rayleigh scattering; Id. hamburan Rayleigh)**

Penyerakan **sinaran elektromagnet** oleh zarah-zarah bebas yang dimensinya lebih kecil daripada jarak gelombang sinaran tersebut.

### **serapan (Ig. absorption; Id. serapan)**

Proses pengambilan tenaga oleh medium daripada sinaran yang lalu di dalam medium tersebut.

### **sesaran elektrik (Ig. electric displacement; Id. geseran elektrik)**

Hasil darab antara keamatan medan elektrik dengan ketelusan. Simbol: D.

### **siklotron (Ig. cyclotron; Id. siklotron)**

Pemecut yang memecut zarah-zarah bercas secara berturutan dengan menggunakan medan elektrik ulang-alik frekuensi malar yang disinkronisasikan dengan pergerakan zarah-zarah pada lintasan melingkar di dalam **medan magnet** yang malar dan normal kepada lintasan tersebut.

**simpangan**

**siri Fourier**

**simpangan (Ig. junction; Id. simpangan)**

- 1 Kawasan peralihan antara dua kawasan **semikonduktor** yang berlainan di dalam peranti semikonduktor seperti simpangan **pn** atau antara logam dan **semikonduktor**.
- 2 Perkakas yang digunakan untuk mencantumkan satu cabang pemandu gelombang pada satu sudut kepada **pemandu gelombang** utama seperti dalam simpangan T.

**simpangan E-H T (Ig. E-H T junction; Id. simpangan E-H T)**

- Gabungan simpangan T bagi satah medan elektrik E dan satah medan magnet H di dalam **pemandu gelombang** mikro gelombang. Simpangan tersebut membentuk satu simpangan pada titik sepunya yang bersilang dengan **pemandu gelombang** utama.

**sinar-x (Ig. x-rays; Id. sinar-x)**

**Sinaran elektromagnet** menusuk yang biasanya dijana oleh pemecut elektron. Elektron dipecut ke halaju tinggi kemudian diberhentikan secara mendadak apabila elektron itu berlanggar dengan jasad pepejal atau melalui peralihan petala di dalam atom-atom yang mempunyai nombor atom melebihi 10. Julat jarak gelombang sinaran tersebut lebih kurang  $10^{-5}$  A° ke  $10^3$  A° dan jarak gelombang purata yang digunakan dalam penyelidikan lebih kurang 1.

**sinaran elektromagnet (Ig. electromagnetic radiation; Id. radiasi elektromagnetik)**

Sinaran yang boleh dianggap sebagai **gelombang elektromagnet** dihasilkan oleh getaran **medan elektrik** dan **medan magnet**.

**siri elektrokimia (Ig. electrochemical series; Id. deret elektrokimia)**

Suatu siri yang menyenaraikan logam dan bahan-bahan lain mengikut tertib tindak balas kimia atau keupayaan **elektrod** masing-masing. Logam atau bahan yang paling bertindak balas diletakkan di bahagian atas siri tersebut dan bahan atau logam yang kurang bertindak balas diletakkan di bahagian bawah siri tersebut. Siri gerak elektrik.

**siri Fourier (Ig. Fourier series; Id. seri Fourier)**

Siri yang menyatakan suatu fungsi f(x) sebagai:

$$\frac{1}{2} a_0 + \sum_{n=1}^{\infty} (a_n \cos nx + b_n \sin nx)$$

$$a_n = \frac{1}{\pi} \int_{-\pi}^{\pi} f(x) \cos nx dx$$

$$b_n = \frac{1}{\pi} \int_{-\infty}^{\pi} f(x) \sin nx dx$$

**siri gerak elektrik** (*Ig. electromotive series; Id. deret gerak elektrik*)  
*lih. siri elektrokimia.*

**sistem koordinat putaran** (*Ig. rotating coordinate system; Id. sistem koordinat putaran*)

Sistem koordinat yang paksi-paksinya berputar apabila dilihat dalam sistem koordinat inersia.

**spasistor** (*Ig. spacistor; Id. spasistor*)

